

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
"Telah datang kepada kamu bulan Ramadan, bulan yang penuh berkat, di mana Allah telah mewajibkan kamu berpuasa di dalamnya. (Tahukah kamu) pada bulan ini pintu-pintu Syurga dibuka dan pintu-pintu Neraka ditutup serta para syaitan dibelenggu. Pada bulan ini juga, terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Barang siapa yang dijauhkan dari kebajikan bulan ini, bererti dia itu jauh dari segala bentuk kebajikan".
- Hadis Riwayat Ahmad.

BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Bangladesh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri

Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Bangladesh sempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.



Berita Utama



GANJARAN pahala setiap amalan dilipatgandakan

Muka 10



Kapal JS Suzutsuki berlabuh di NBD

Muka 11



OPERASI Sepadu Senegara temui pelbagai kesalahan

Muka 19



EKSPRESIKAN kasih sayang dalam aktiviti sambutan Hari Kesedaran Berkeperluan Khas

Muka 20

Mempertingkatkan amal ibadat di bulan Ramadan

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Bagi meraih ganjaran pahala dengan mempertingkatkan amal ibadah di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan acara Munajat secara maya dinamakan sebagai Munajat Ramadhan untuk mengambil sukut baik di bulan Al-Mubarak ini dan disesuaikan waktunya selepas Sembahyang Fardu Zuhur.

Munajat Ramadhan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama kali ke-80 yang diadakan awal petang tadi mengundang tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Musolla Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

>> Muka 3

Penjelasan mengenai peruntukan Sistem Pengangkutan Awam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Mengenai dengan Sistem Pengangkutan Awam, yang telah dikongsikan sebelum ini sebanyak belanjawan BND30 juta telah diperuntukkan.

Dasar atau strategi asal bagi peruntukan tersebut telah berubah, hanya perubahan dari segi pelaksanaannya dan juga dari segi *governance* mengenai projek tersebut.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran



Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyatakan perkara itu, semasa mengulas soalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada hari ke-16 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi berlangsung hari ini di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

>> Muka 4

Cabaran : Jawatan senior position masih dikuasai pekerja luar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Dari segi aspek *competency mariners* ini, ia adalah terkawal di bawah International Maritime Organization di mana *competency*nya adalah terkawal atau di bawah International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping.

Manakala dari segi *competitiveness* orang tempatan untuk menceburi bidang *maritime* ini, memang terbukti melalui Brunei Gas Carriers, di mana kesemua atau 100 peratus daripada kakitangan *ratings* ke bawah adalah terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri

Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Yang Berhormat menambah, di antara cabaran adalah jawatan *senior position* yang masih dikuasai oleh pekerja dari luar.

>> Muka 5

Rahmat jangan diabaikan, raih lebih banyak pahala

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiie Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

DENGAN amat sukacita, beta mengajak seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam untuk sama-sama merafa'kan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya menemukan kita lagi dengan bulan Ramadan yang Mubarak, yang di dalamnya terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan.

Ramadan adalah bulan istimewa, yang menguji kesabaran kita untuk berpuasa selama sebulan. Ganjaran beribadat dalam bulan Ramadan, melebihi ganjaran beribadat di dalam bulan-bulan yang lain.

Menurut sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, bahawa satu fardu yang ditunaikan pada bulan Ramadan adalah umpama menunaikan 70 fardu pada bulan-bulan yang lain.

Demikian, betapa hebatnya penghormatan Allah Subhanahu Wata'ala terhadap bulan Ramadan.

Alhamdulillah, kita di negara ini mempunyai peluang amat luas untuk

merebut fadilat Ramadan. Dengan keadaan negara aman dan ekonomi mantap, akan membolehkan kita untuk menghayati Ramadan dengan lebih selesa.

Ini adalah kurnia istimewa kepada kita dan negara, berbanding di setengah-setengah tempat di dunia, mereka bergelut dengan pelbagai musibah, seperti peperangan, gempa bumi, banjir besar yang menjejaskan harta benda dan nyawa.

Bayangkan bagaimana umat Islam berpuasa sambil menghadapi kemelut peperangan, musibah gempa dan banjir besar. Kita, cuma mampu membayangkannya sahaja sambil bersimpati dan berdoa untuk mereka.

Berbalik lagi kepada keadaan negara kita. Jutaan syukur kita rafa'kan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana ancaman coronavirus telah pun semakin menipis dan sekatan juga dilonggarkan.

Ini juga adalah satu rahmat yang membolehkan kita dapat memeriahkan masjid dengan sembahyang-sembahyang fardu, bertadarus Al-Quran dan Sembahyang Sunat Tarawih tanpa sekatan.

Seyogianya rahmat ini janganlah diabaikan untuk kita dapat meraih lebih banyak pahala. Pahala adalah rezeki hebat untuk kita jawat di akhirat nanti.

Marilah kita sama-sama berharap, semoga rahmat Allah ini akan berpanjangan hendaknya untuk kita dapat menunaikan kewajipan berpuasa sebulan penuh dalam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1444H / 2023M.

keadaan sihat 'afiati dan sejahtera.

Demikian juga diharapkan untuk kita mendapat Lailatulqadar yang penuh berkat yang hanya berlaku dalam bulan Ramadan sahaja.

Bagi tujuan ini kita perlulah mengikut panduan-panduan yang telah digariskan oleh ulama, seperti menghidupkan 10 malam-malam terakhir di bulan Ramadan dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu

Wata'ala tidak akan menghampakan kita dari memperoleh pahala Lailatulqadar itu.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta sukacita mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini, semoga kita sama-sama dapat menunaikan kewajipan berpuasa tanpa sebarang halangan atau gangguan.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27	ISNIN	5	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39
28	SELASA	6	4.54	5.04	6.21	6.43	12.27	3.30	6.30	7.39
29	RABU	7	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39
30	KHAMIS	8	4.53	5.03	6.20	6.43	12.26	3.28	6.30	7.39
31	JUMAAT	9	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.39
1 APRIL	SABTU	10	4.52	5.02	6.19	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38
2	AHAD	11	4.52	5.02	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
Pekan Bangar	31 24 °C	31 24 °C	32 24 °C
Pekan Tutong	31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C
Kuala Belait	31 24 °C	31 25 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 27 MAC 2023

Lipat gandakan pahala dengan bersedekah

BULAN Ramadan adalah bulan yang sangat dimuliakan. Bulan yang penuh dengan keberkatan ini memberi kita peluang untuk menambah pahala dan memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan apa yang telah diperintahkan oleh Allah.

Salah satu pintu yang dibuka oleh Allah untuk meraih keuntungan besar dari bulan Ramadan adalah melalui sedekah. Islam menganjurkan umatnya untuk banyak bersedekah.

Allah Subhanahu Wata'ala sangat memuliakan orang-orang yang bersedekah. Ia menjanjikan banyak keutamaan dan balasan yang menakjubkan bagi orang-orang yang sering bersedekah.

Kita sebagai hamba Allah tidak boleh seharusnya rasa bongkak dan takabbur dengan harta yang diberi oleh Allah. Kerana sesungguhnya sifat bongkak dan takabbur itu hanya milik Allah.

Dengan bersedekah, kita akan dapat kikis sifat-sifat itu. Oleh kerana itu, Allah akan menyayangi mereka yang mempunyai hati yang sentiasa bersyukur dan rendah hati.

Tambahan pula bulan Ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan. Allah akan mendorong setiap hati-hati yang ingin kepada kebaikan ke arah yang lebih baik.

Amalan bersedekah dengan ikhlas akan menambah lagi keberkatan dalam rezeki kita dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara keutamaan yang dijanjikan ialah sedekah dapat menghapus dosa; orang yang bersedekah akan mendapatkan naungan di hari akhir; sedekah juga memberi keberkatan pada harta; Allah akan melipatgandakan pahala orang yang bersedekah di samping terdapat pintu syurga yang hanya dapat dimasuki oleh orang yang bersedekah.

Selain itu, sedekah akan menjadi bukti keimanan seseorang; sedekah juga dapat membebaskan dari seksa kubur; sedekah dapat mencegah pedagang melakukan maksiat dalam jual beli dan orang yang bersedekah merasakan dada yang lapang serta hati yang bahagia.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan Bagi Tahun 1443H / 2022M, "Dalam bulan Ramadan juga, kita adalah digalakkan untuk membanyakkan sedekah. Rahsia sedekah sungguh istimewa. Ia bukan sahaja untuk membantu golongan yang memerlukan, tetapi sedekah juga adalah penolak bala dan bahkan ubat penawar untuk menyembuhkan penyakit, sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya: "Ubatilah pesakit-pesakit kamu dengan sedekah".

Pada zaman teknologi serba canggih ini, amalan bersedekah lebih mudah dengan bantuan kemudahan teknologi terkini. Dengan hanya secara dalam talian, orang ramai boleh bersedekah tanpa perlu secara fizikal bersedekah.

Badan-badan bukan kerajaan juga pada masa ini membuka peluang kepada orang ramai untuk menginfakkan sedekah seperti bantuan keperluan harian kepada orang-orang yang memerlukan.

Oleh itu, marilah kita melipatgandakan pahala kita di bulan yang penuh mulia ini dengan bersedekah, kerana dengan amalan bersedekah, rezeki kita akan digandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah peluang kita untuk merebut peluang keemasan ini untuk membuat kebajikan kepada mereka yang memerlukan. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

MEMPERTINGKATKAN AMAL IBADAT DI BULAN RAMADAN



MUNAJAT Ramadhan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah di bulan Ramadan ini meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca Surah Yaa Siin dan ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya.

>> Muka 1

Turut serta bagi sama-sama mengimarahkan Munajat Ramadhan ialah para pegawai dan kakitangan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan; para pegawai, tenaga pengajar dan penuntut ITQSHHB; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong; serta para jemaah daripada 99 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara.

Juga menyertai bersama dengan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan

Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Muhammad Zainuddin Shah bin Talip, dari Ruang Legar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad, dari Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU.

Diikuti dengan Tadabbur Al-Quran dari Surah Al-'Araaf, ayat

■ Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama

44 hingga 47 disampaikan oleh Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Antara inti sari dan pengajaran ayat daripada Tadabbur Al-Quran tersebut ialah "Ahli syurga merasa gembira atas nikmat yang mereka peroleh yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala disebabkan keimanan dan ketaatan mereka kepada-Nya ketika hidup di dunia. Manakala penghuni neraka pula merasa sesal kerana mereka mendapat balasan seksa yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala disebabkan kekufuran dan kedherhakaan mereka ketika di dunia serta laknat Allah Subhanahu Wata'ala akan ditimpakan kepada orang-orang yang melakukan kezaliman.

Tiga sifat orang-orang zalim iaitu menghalang diri sendiri dan orang lain daripada mengikut syariat Allah Subhanahu Wata'ala; memesongkan syariat Allah Subhanahu Wata'ala; dan Mengingkari adanya hari kiamat."

Acara diteruskan dengan bacaan Selawat Ya Nabi Salam 'Alaik dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, ITQSHHB, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dari Musolla ITQSHHB.


Bagi memberkati acara

Munajat Ramadhan, bacaan Doa Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Zaidin bin Haji Mohammad Noor dari Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Munajat Ramadhan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah di bulan Ramadan ini meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca Surah Yaa Siin dan ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Semoga dengan amalan ibadah di bulan Ramadan ini, kehidupan kita dan Negara Brunei Darussalam diberkati.

Penyertaan bagi Munajat Ramadhan dibukakan kepada orang ramai dan dapat diikuti secara maya melalui aplikasi Microsoft Teams di pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau secara langsung melalui Facebook Pusat Da'wah Islamiah.



211 kes disahkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Mac. - Sebanyak 211 kes COVID-19 disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 281,253.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Manakala, tidak ada kes di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang

memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 26 Mac 2023, sebanyak 88.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.8 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 12.1 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google play

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENJELASAN MENGENAI PERUNTUKAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

"Pemikiran asal bagi projek tersebut adalah pihak kerajaan yang membelanjakan pembelian bas-bas pengangkutan awam dan modal operasi itu didapati mungkin tidak *sustainable going forward*."

"Maka dalam hubungan itu, sepertimana yang dimaklumkan



pihak kementerian akan menunduki semula lagi strategi dengan modal bisnes yang berbeza," jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Mengenai dengan *competitive advantage* dari segi negara, jelas Yang Berhormat, sememangnya pada masa ini di antara *competitive advantage* yang terdapat dari segi industri maritim memandangkan Teluk Brunei menyediakan satu *anchorage area* yang selamat.

Yang Berhormat menambah, salah satu perancangan adalah untuk mewujudkan *anchorage services* di kawasan Muara dan akan dapat menarik industri-industri perkapalan serantau untuk menggunakan *services anchorage* di Pelabuhan Muara tersebut.

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Berhubung dengan kemajuan di Lapangan Terbang Antarabangsa, jelas Yang Berhormat, pada masa ini usaha-usaha mengenai dengan *aerodrome*, kedudukan kita pada masa ini sukacita memaklumkan bahawa negara kita pada masa ini di tangga 217 di antara 450 lapangan terbang ikut serta dalam *survey* tersebut.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat menambah, *in terms of* sukat-sukat yang digunakan untuk memajukan lagi Lapangan Terbang Antarabangsa adalah untuk turut serta dalam 3-Star Rating atau Skytrax Ranking bagi Lapangan Terbang Antarabangsa.

"Jadinya, perkhidmatan yang kita sediakan itu terdapat kriteria atau boleh *benchmark* di mana terdapat 39 kriteria yang perlu diisi untuk ikut serta di dalam Skytrax Ranking tersebut.

"Dan seterusnya, seperti mana yang dikongsikan memang perancangan untuk memperbaiki kedudukan negara *kitani* Lapangan Terbang Antarabangsa *kitani* untuk menjadi *regional hub*

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

sama ada penumpang dan juga kargo," terang Yang Berhormat.

Rundingan-rundingan juga telah diadakan bersama contohnya penerbangan Royal Brunei Airlines mengenai dengan menyediakan Perkhidmatan Pakej Umrah dan seumpamanya untuk memfeed penerbangan RB dan juga menggunakan kapal terbang antarabangsa sebagai transit *areas* bagi laluan-laluan tersebut.



Memudah cara perkembangan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Kemas kini piawaian pusat-pusat pemeriksaan kenderaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Proses tawaran Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer di Daerah Temburong akan *direview* semula kerana berdasarkan kaedah yang lama, tidak ada syarikat-syarikat atau bengkel kenderaan yang memohon untuk beroperasi di Daerah Temburong tetapi dengan dasar untuk mewujudkan satu pusat di Daerah Temburong, kaedah sama ada syarikat yang mewujudkan perkhidmatan di Daerah Brunei dan Muara dapat juga turut diberi peluang untuk menyediakan perkhidmatan tersebut di Daerah Temburong.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menjawab cadangan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, pada hari ke-16 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi berlangsung hari ini di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Untuk menjadi stesen

AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

pemeriksaan kenderaan tersebut, setentunya adalah memerlukan keperluan-keperluan dan pada masa ini, Jabatan Pengangkutan Darat juga mengemaskinikan piawaian pusat-pusat pemeriksaan ini bukan sahaja untuk Daerah Temburong tetapi seluruh negara supaya kualiti perkhidmatan dan juga kecekapan dan integriti pusat-pusat tersebut dapat ditunduki dari semasa ke semasa," jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengenai hal ehwal kakitangan awam khususnya bagi jabatan kerajaan yang telah diswastakan.

Dalam hubungan ini khususnya, kepada Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut kepada Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD), Yang Berhormat mengambil maklum akan perkara tersebut.

Dalam proses peralihan dari Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut tambah Yang Berhormat,



digabungkan menjadi MPABD, pihak kerajaan telah memastikan mana-mana pegawai dan kakitangan tersebut dapat diserapkan di MPABD tidak akan terjejas atau mengalami kerugian, keistimewaan dalam perkhidmatan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dalam usaha-usaha memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipindah ke jabatan kerajaan yang lain telah dilaksanakan secara terperinci untuk sekurang-kurangnya mendapat keistimewaan sebanding atau lebih baik daripada jawatan asal, *no worst of policy*.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Mengenai dengan kemajuan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei kadar pergerakan penumpang pada masa ini, pada tahun 2022 berada sekitar 2 juta penumpang pergerakannya.

Dari segi kemampuan Lapangan Terbang, pada masa ini mampu untuk menampung pergerakan penumpang sehingga 3 juta, jadi masih ada ruang untuk kapasiti di Lapangan Terbang tersebut.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan perkara demikian bagi menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, mengenai dengan sistem pengangkutan yang efisien.

"Berhubung dengan industri pelancongan, dari segi ini, Jabatan Penerbangan Awam sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan dan juga Royal Brunei Airlines (RB) mengenai dengan Pakej-Pakej Pelancongan di mana Jabatan Penerbangan Awam sentiasa bersedia untuk memudah cara apa-apa perkembangan yang akan dicadangkan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengenai dengan Land Transport Master Plan, ada beberapa perkara untuk membuat Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menunduki semula dengan nafas baharu penubuhan Sistem Pengangkutan Awam yang lebih sesuai dan bermakna dan juga *viable* kepada orang ramai dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 5

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPROMOSIKAN 'INCLUSIVITY' DIGITAL, TINGKATKAN KEMAHIRAN ICT

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berkata, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui agensi di bawahnya telah mengadakan beberapa inisiatif dalam

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

mempromosikan *inclusivity* digital dan dalam meningkatkan kemahiran ICT bagi rakyat.

Yang Berhormat menjelaskan demikian ketika menjawab soalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Chong Chin Yee mengenai dengan *literacy digital* rakyat dan *index digital* semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN, yang berlangsung hari ini di Bangunan MMN, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan ada beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran ICT bagi rakyat contohnya adalah Program Celik ICT atau ICT Savviness Program.

Menurut Yang Berhormat lagi, program yang dianjurkan oleh pihak AITI bermula pada tahun 2017 dengan tujuan untuk

memberikan kefahaman dan kesedaran kepada orang ramai akan kepentingan penggunaan ICT bukan sahaja dalam kehidupan seharian tetapi juga menggalakkan orang ramai berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Program ini, tambah Yang Berhormat, memperkenalkan bengkel-bengkel pendek kepada wakil-wakil Majlis Perundingan Kampung (MPK) seperti Wed Designing, Go Live, pemasaran secara digital, Literacy Digital Asas dan program telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan MPK di mana program ini akan dilanjutkan dari tahun ke tahun.

Pihak AITI juga mengadakan bengkel dan memfokuskan kepada penggunaan aplikasi e-Dagang dengan tujuan untuk mendidik dan menggalakkan masyarakat untuk membuat transaksi iaitu jual beli secara dalam talian, terang Yang Berhormat.

"Mengenai Pengurusan Keselamatan Cyber untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Menurut statistik terkini yang

diterbitkan oleh Brunei Computer Emergency Responds, BruCERT Brunei telah merekodkan sepertimana yang dikongsikan 2,979 serangan," ujar Yang Berhormat.


Menurut Yang Berhormat, ada beberapa Kempen-kempen Kesedaran Keselamatan Siber telah diungkuhkan oleh CSB melalui BruCERT dan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti AITI, pejabat-pejabat daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Penerangan dan juga Jabatan Pembangunan Masyarakat.

CSB bercadang akan melatkan lagi siri Taklimat Keselamatan Siber ke atas kakitangan awam yang hendak bersara dan juga kerjasama Institut Perkhidmatan Awam.

"Dalam tiga tahun kebelakangan ini, beberapa siri taklimat yang melibatkan warga emas telah diadakan sama ada dibuat oleh CSB, BruCERT secara persendirian atau bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain.

"Contohnya pada bulan Oktober ke November 2019 sebanyak 140 taklimat telah diadakan bersama AITI di tahun 2020 sebanyak 130 taklimat telah diadakan dan pada 2021 sebanyak 102 taklimat telah diadakan dan selanjutnya," ujar Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, tambah Yang Berhormat, usaha ini akan digandakan lagi dan khususnya bagaimana *outreach* dapat mencapai *more audience* dalam segi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai dengan ancaman-ancaman khususnya daripada *cyber security* dan juga *scammers* yang berlangsung pada masa ini.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Chong Chin Yee.

Cabaran : Jawatan senior position masih dikuasai pekerja luar



>> Muka 1

"Di antara perkara yang menjadi cabaran adalah untuk mencapai contohnya tahap Kapten atau Chief Engineer, sekurang-kurangnya meliputi jangka masa 10 tahun. Sebab menyedari segi *competency structure marine* program ini termasuk juga *seafarers*."

"Dari segi perancangan bekerjasama dengan Brunei Maritime Academy (BMA) melalui

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) pada pertengahan tahun lepas telah juga memperkenalkan Competency Framework for Maritime Services di Negara Brunei Darussalam yang juga bersandarkan dengan International Convention on Standards of Training Certification and Watchkeeping for Seafarers (STCW) dengan adanya Competency Framework tersebut, ia dapat membantu BMA untuk menghasilkan *training-training* program yang selaras dengan STCW tersebut," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, di antara sumbangan yang dilakukan antara MPABD industri dengan BMA untuk mempertingkatkan lagi kemampuan BMA menghasilkan *seafarers* yang berkualiti dan juga boleh melanjutkan *competency* mereka untuk

mencapai tahap seperti Engineers dan juga Deck Officers yang pada masa ini memang berkurangan.

Di samping itu, juga jelas Yang Berhormat perlu diakui untuk membolehkan warga kita dapat menyediakan perkhidmatan atau bekerja di luar negeri adalah dari segi *competitiveness* kita.

"Dukacita disebabkan oleh kadar atau *rate* kita, *our seafarers are not necessarily competitive especially the lower ranking officers*," ujar Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, terdapat warga daripada negara-negara jiran, seperti Filipina dan Indonesia yang menyediakan kos yang lebih rendah. Namun begitu, untuk memperkembangkan industri perkapalan or maritim di Negara Brunei Darussalam melalui Manpower Planning and Employment Council (MPEC) usaha untuk *localise* industri perkapalan di Negara Brunei Darussalam sedang dijalankan pada masa ini dengan memperkenalkan ratio pekerja asing dan pekerja luar untuk mengisi jawatan-jawatan di mana ada berpotensi untuk warga tempatan mengisinya.

Memudah cara perkembangan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

>> Muka 4

Dalam perancangan, kata Yang Berhormat, untuk menswastakan jabatan kerajaan, selain daripada memastikan entiti itu berdaya saing atau berdaya tahan, perkara yang diutamakan adalah juga mengenai hal ehwal sumber tenaga manusia tersebut di mana selalunya diadakan sesi Town Hall dan juga perundingan *one to one session* bersama pekerja tersebut.

"Mengambil kira juga akan keperluan kakitangan untuk *reskill* atau *retrain*, proses peralihan tersebut juga telah dilakukan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan pengalaman pegawai-pegawai tersebut.

"Walau bagaimanapun, dalam hal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mungkin *you know*, ada baiknya perkara ini ditunduki dari *case by case basis*. Tetapi dari segi dasar, memang hal ehwal kakitangan ini memanglah dipemulihkan terutamanya dari segi tidak *worse off* dan tidak kehilangan pekerjaan. Itulah selalunya dasar yang digunakan apabila melaksanakan pengkorporatan ini," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEWUJUDKAN SISTEM PENGANGKUTAN BERSEPADU

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Isu-isu berkaitan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam antara yang disentuh oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha ketika menyampaikan mukadimah pada hari ke-16 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Di dalam meneroka kaedah penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang mampan, berdaya maju sesuai dengan keadaan sosioekonomi dan infrastruktur di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan kaedah bermuzakarah bersama semua pihak berkepentingan serta penglibatan pakar (*specialist*) di dalam merencana hala tuju bagi sistem pengangkutan tersebut akan diambil.

"Buat masa ini, pemikiran awal

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

adalah menjurus kepada mewujudkan sistem pengangkutan yang bersepadu yang melibatkan gabungan atau kombinasi pelbagai mod pengangkutan seperti bas, *share ride*, *e-hailing*, teksi dan sebagainya dengan tujuan untuk memaksimumkan kemudahan dan kecekapan pengguna dari segi masa, kos, keselesaan, keselamatan, akses dan kebolehpercayaan," ujar Yang Berhormat.

Pandangan awal ini, ujar Yang Berhormat Menteri lagi adalah juga berpandukan dengan data dan maklumat yang diperolehi setakat ini melalui Projek Rintis Sistem Maklumat Bas Penumpang yang telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Menteri seterusnya berkata kebolehlaksanaan penyediaan satu sistem pengangkutan kegunaan orang ramai yang bersesuaian akan ditunduki lagi

dengan nafas baru.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan perbelanjaan kemajuan, yang berhubung dengan tajuk Pengangkutan dan Perhubungan bagi tahun kewangan 2023/2024 ini adalah menjurus kepada penyelesaian pelaksanaan projek-projek kemajuan RKN11 yang berhubung dengan pembinaan dan penaiktarafan prasarana dan penggantian peralatan-peralatan kritikal keselamatan bagi kawalan navigasi, kaji cuaca dan sekuriti.

Dalam mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei khususnya bagi mengganti peralatan-peralatan sistem pendaratan, membaik pulih landasan dan mempertingkatkan infrastruktur *aerodrome* Yang Berhormat mengatakan bahawa kira-kira BND34,400,000 (tiga puluh empat juta empat ratus ribu ringgit) telah diperuntukkan.

Manakala bagi meningkatkan kemampuan hal ehwal keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pula ujar Yang Berhormat Menteri lagi projek-projek menaik taraf sistem radar, pemasangan pagar keselamatan, sistem pengesanan pencerobohan, dan menaik taraf peralatan pemeriksaan dan pengesanan keselamatan seperti mesin x-ray terkini telah diperuntukkan sekitar BND3,400,000 (tiga juta empat ratus ribu ringgit).

Berkaitan dengan kaji cuaca pula Yang Berhormat menyatakan bahawa peruntukkan sekitar BND4,500,000 (empat juta lima ratus ribu ringgit) telah disediakan bagi penggantian Sistem Observasi Cuaca Lapangan Terbang dan pembangunan rangkaian stesen cuaca automatik negara yang akan membantu Jabatan Kajucaua untuk memantapkan lagi penyebaran maklumat kepada orang ramai khususnya dalam pembarigaan amaran-amaran cuaca.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Manakala belanjawan sebanyak BND3,000,000 (tiga juta ringgit) telah diperuntukkan bagi pembangunan menara telekomunikasi tambahan di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Menteri seterusnya berkata selain daripada penyediaan infrastruktur, penaiktarafan dan penggantian peralatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui agensi yang berkenaan juga terlibat sama dalam mengembangmajukan sektor pengangkutan yang meliputi sekor pengangkutan darat, maritim dan udara.

Pastikan persekitaran digital selamat, terjamin

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) memberi perhatian serius ke arah memastikan persekitaran digital yang selamat dan terjamin bagi pengguna baik di kalangan kerajaan, perniagaan mahupun pengguna awam.

Ini adalah selaras dengan

Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 di mana sekuriti siber adalah salah satu Pemboleh Strategik (Strategic Enabler) untuk mendokong ekonomi digital, khususnya bagi memastikan data, infrastruktur dan rangkaianannya adalah terpelihara dari ancaman keselamatan siber.

Menteri Pengangkutan dan

Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha seterusnya memberikan satu gambaran mengenai ancaman berkenaan di mana sepanjang tahun 2022, BruCERT sebuah agensi di bawah Cyber Security Brunei (CSB), telah menerima sebanyak 496 laporan kes.

"Dari jumlah kes-kes ini, 33% (165 kes) adalah kes berkaitan dengan media

sosial, 20% (104 kes) adalah kes-kes berkaitan *scam*, dan selebihnya merangkumi kes-kes berkaitan *malware*, *hacking*, *cyberbully* dan sebagainya," ujarnya.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri menjelaskan beberapa inisiatif telah diungkayahkan melalui CSB selain daripada kegiatan berterusan mereka untuk menyebarkan kesedaran, pengetahuan dan nasihat.

Selain daripada itu, jelas Yang Berhormat lagi CSB bersama dengan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), juga melaksanakan pelbagai inisiatif masing-masing dan secara bersama mengenai peralihan kepada cara hidup yang semakin digital.

Terdahulu Yang Berhormat mengongsikan bahawa beberapa usaha penambahbaikan dari aspek tadbir urus pelaksanaan projek-projek ICT adalah dipantau melalui satu platform iaitu Chief Information Officer (CIO) Forum.

Antara peranan utama CIO Forum ini jelas Yang Berhormat adalah untuk *menunduki* semua projek-projek ICT yang dipohonkan, membuat penyelarasan dan memberi nasihat keutamaan bagi pelaksanaan.

Pada masa yang sama, jelas Yang Berhormat lagi beberapa program membina kapasiti sumber manusia di dalam mereka bentuk, pembangunan dan

pengurusan projek IT termasuk Change Management telah dirancangkan.

"Ini juga termasuk di peringkat pengurusan kanan kementerian-kementerian kerana pendigitalan perkhidmatan - perkhidmatan Kerajaan bukan hanya melibatkan warga IT atau sekadar mengemukakan akses kepada perkhidmatan dalam talian. Akan tetapi, ia melibatkan peralihan pemikiran, proses kerja dan cara bekerja di sepanjang aliran proses kerja, jika tidak, hasrat sepenuhnya untuk mencapai keberkesanan dan kecekapan dari pendigitalan tersebut akan jatuh pendek," jelas Yang Berhormat.

Sebagai tambahan, Yang Berhormat juga mengongsikan mengenai penubuhan Digital Transformation Steering Committee (DTSC) yang berperanan untuk mengenal pasti dan seterusnya melaksanakan inisiatif-inisiatif yang akan dimasukkan ke dalam Pelan Teknologi Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada Pelan-Pelan Transformasi Digital bagi setiap Kementerian masing-masing.

Pelan tersebut, ujar Yang Berhormat Menteri adalah dihasratkan untuk merangkumi penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam termasuk juga sektor perindustrian di bawah bidang kuasa agensi masing-masing.



AHLI-AHLI Majlis Mesyuarat Negara mengangkat tangan mempersetujui Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi diluluskan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KESEJAHTERAAN ORANG RAMAI JADI KEUTAMAAN

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Tiga peranan asas Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) adalah untuk menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber; meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi dan pemudah cara bagi mendukung pembangunan negara yang mampan.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha ketika menyampaikan mukadimah pada hari ke-16 berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dalam hubungan ini, Kementerian berkenaan, ujar Yang Berhormat Menteri telah menengahkan 10

petunjuk prestasi utama daripada 34 petunjuk prestasi yang telah dikemas kini dan dikenal pasti untuk terus dipantau.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan 10 petunjuk prestasi utama tersebut meliputi aspek-aspek seperti berikut iaitu mewujudkan dan peningkatan jumlah pekerjaan dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi secara bekerjasama dengan Manpower Planning and Employment Council; dalam aspek keselamatan adalah bagi memastikan *zero major accident* atau sifar kemalangan besar dalam sektor pengangkutan dan *zero major incident* atau sifar insiden sekuriti besar bagi perkhidmatan perkongsian ICT Kerajaan.

Aspek-aspek juga adalah bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian-piawaian keselamatan di dalam operasi sektor pengangkutan dan sektor infokomunikasi; dalam aspek perkembangan sektor pengangkutan, sasaran adalah untuk memperkembangkan

dan menambahkan lagi *connectivity* dari segi rangkaian pengangkutan awam dan meningkatkan pertumbuhan pergerakan melalui pengangkutan udara.

Mendokong komitmen negara mengenai perubahan iklim melalui sasaran pengurangan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gases*) daripada sektor pengangkutan darat; sasaran untuk menambah dan meningkatkan lagi pendigitalan perkhidmatan kaunter; memastikan penduduk dan perniagaan mempunyai akses dan liputan perkhidmatan jalur lebar yang lebih mantap; dan akhir sekali adalah bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai juga menjadi aspek bagi petunjuk prestasi utama kementerian berkenaan.

Dengan peruntukan yang disediakan untuk MTIC, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa rancangan kerja serta peluang - peluang penambahbaikan yang dikenal pasti akan dapat meningkatkan dan memantapkan lagi sumbangan sektor pengangkutan dan sektor infokomunikasi di dalam pembangunan negara.

Yang Berhormat Menteri juga menyatakan bahawa peluang-peluang penambahbaikan tersebut adalah juga mengambil kira akan rintihan-rintihan orang ramai terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan, pembelajaran daripada kes-kes insiden kemalangan jalan raya atau pencerobohan siber yang telah berlaku, dan penyelenggaraan aset-aset yang kurang memuaskan.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Semua ini dihasratkan untuk ditangani secara sistematik dengan mengikut keutamaan.

Infrastruktur ICT diperkukuhkan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan infokomunikasi memfokuskan perbelanjaan kemajuan Tahun Kewangan kali ini sekitar BND2,000,000 (dua juta ringgit) bagi menaik taraf Pusat Data Kerajaan dan meningkatkan kualiti serta kebolehpercayaan perkhidmatan guna sama Pusat Kebangsaan e-Kerajaan (EGNC) dengan penyediaan infrastruktur 'Cloud'.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha mengongsikan perkara itu ketika menyampaikan ucapan mukadimahnya pada hari ke-16 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selain daripada itu, ujar Yang Berhormat Menteri lagi perbelanjaan dalam bidang ICT juga memfokuskan kepada pemodenan infrastruktur rangkaian Pusat Data melalui projek Software Defined Network Infrastructure.

"Penaiktarafan dalam infrastruktur ICT ini adalah bagi penyediaan perkhidmatan

e-Kerajaan yang lebih canggih dan boleh menampung keperluan perkembangan teknologi terkini," jelas Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri mengongsikan bahawa salah satu perkhidmatan e-Kerajaan yang disediakan adalah e-Darussalam yang mana setakat bulan Februari 2023, sebanyak 220,196 akaun e-Darussalam telah didaftarkan dan sebanyak 191,756 akaun telah diaktifkan.

Kerajaan juga ujarnya menyediakan perkhidmatan bagi orang awam untuk membuat aduan, pertanyaan dan mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan utama kerajaan yang berbentuk bukan kecemasan melalui Talian Darussalam 123.

"Ia juga menyaksikan pertumbuhan permintaan dari segi jumlah jabatan dan agensi yang menggunakannya serta jumlah jenis perkhidmatan. Ini secara langsung juga menjana peluang pekerjaan bagi menampung tambahan panggilan dan perkhidmatan di mana kesemua penerima panggilan terdiri daripada warga tempatan," jelas Yang Berhormat Menteri.

Postal Services Order, 2023 diluluskan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi meluluskan perintah Postal Services Order, 2023 baru-baru ini.

Ketika mengongsikan perkara itu, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan bahawa penggubalan dasar tersebut adalah merupakan pemboleh bagi mewujudkan operasi dan penyediaan sistem dan perkhidmatan pos secara korporat.

Selain itu penggubalan dasar berkenaan juga adalah pemangkin ke arah mempromosikan industri pos yang lebih efisien dan berdaya saing, serta membolehkan pelaburan lebih tinggi di dalam teknologi seperti automasi dan pendigitalan.

Terdahulu Yang Berhormat Menteri menjelaskan kemajuan teknologi semenjak beberapa dekad yang lalu tidak dapat dinafikan semakin pesat dan telah banyak mempengaruhi masyarakat kita dalam pelbagai cara.

Contohnya, peningkatan penggunaan e-mel, media sosial dan bentuk komunikasi elektronik yang lain, di samping platform e-dagang dan sebagainya telah mengurangkan keperluan untuk perkhidmatan pos tradisional memandangkan perkhidmatan ini boleh menyampaikan maklumat dan mesej dengan

lebih cepat dan murah.

Kemajuan teknologi semenjak beberapa abad telah memberikan perubahan sangat ketara termasuklah di negara ini di mana jumlah penghantaran surat dan pakej yang merupakan teras perkhidmatan dan pendapatan utama Jabatan Perkhidmatan Pos telah menunjukkan trend penurunan dari setahun ke setahun.

"Contohnya jumlah penghantaran surat dan pakej telah jatuh sebanyak 40% pada tahun 2019, sebelum pandemik COVID-19 melanda, berbanding dengan jumlah tertinggi pada tahun 2016. Selepas 2019 trend penurunan berterusan pada kadar sekitar 30% dari setahun ke setahun sehingga sekarang. Pada tahun 2022 jumlah penghantaran surat dan pakej telah menurun sebanyak 80% berbanding dengan jumlah tertinggi sebelumnya," ujar Yang Berhormat Menteri.

Berhadapan dengan cabaran ini dan untuk kekal relevan, Yang Berhormat Menteri menjelaskan Jabatan Perkhidmatan Pos

bertekad untuk menyesuaikan diri dan berinovasi dengan memperkenalkan perkhidmatan baru dan perkhidmatan nilai tambah yang lain kepada orang ramai.

Sehubungan dengan ini Yang Berhormat Menteri mengongsikan bahawa pada bulan Oktober yang lepas Jabatan Perkhidmatan Pos telah melancarkan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan iaitu Perkhidmatan Penghantaran Ubat melalui pos laju dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan dan Projek Rintis Bungkusan Cop Merah bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat menjelaskan perkhidmatan - perkhidmatan baharu tersebut sudah setentunya menggambarkan komitmen Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menyesuaikan diri di samping memperkenalkan penambahbaikan yang berterusan dalam menjalankan tanggungjawab pos asas, yang juga merupakan obligasi perkhidmatan pos sejagat.



SEBAHAGIAN pegawai-pegawai kerajaan yang hadir pada persidangan tersebut.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KE ARAH MENJAMIN KESELAMATAN JALAN RAYA DI NBD



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha memaklumkan bahawa salah satu bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) adalah yang menunduki mengenai sistem jalan raya ialah Majlis

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

Di antara peranan MKKJR tambahnya, adalah untuk menilai dari segi aspek keselamatan atau *risk* sesuatu sistem atau rangkaian jalan raya untuk mengelakkan dari kemalangan.

Yang Berhormat mengulas mengenai perkara itu ketika menjawab pertanyaan yang disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan pada hari ke-16 persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini berkenaan sistem jalan yang sedia ada di Pekan Tutong.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, melalui

Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastruktur, ada dari semasa ke semasa membuat lawatan ke kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mengakibatkan kemalangan, itu adalah salah satu tindakan mengenainya.

Berhubung dengan *urban planning* mengenai Pekan Tutong dengan *road network* pula jelasnya, itu adalah lebih menjurus kepada peranan Perancangan Bandar Dan Desa, termasuk juga Kementerian Pembangunan di bawah Jabatan Kerja Raya.

"Dalam hal ini juga, boleh kaola kongsikan bahawa di bawah MKKJR melalui Jawatankuasa Kumpulan Teknikal Dan Infrastruktur ini juga sedang memikirkan untuk mewujudkan piawaian mengenai *road safety* atau *road standard* untuk diperkenalkan untuk menjamin keselamatan jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan rangkaian

jalan raya yang di Pekan Tutong," ujar Yang Berhormat Dato.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga menjawab berhubung perancangan pihak kerajaan ke arah menubuhkan sebuah syarikat penerbangan tambang murah, GLC's tempatan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz.

Menurut Yang Berhormat Dato, antara peranan Kementerian melalui Jabatan Penerbangan Awam adalah untuk memudah cara bagi apa juga syarikat-syarikat yang ingin memperkenalkan perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam melalui lapangan terbang antarabangsa.

"Mengenai dengan cadangan untuk memperkenalkan *low cost airlines* di Negara Brunei Darussalam. Jabatan penerbangan Awam sentiasa bersedia untuk menjadi pemudah cara tetapi mengenai ekonominya dan fasilitinya,

tertaklukkan kepada mana-mana syarikat yang mencadangkannya. Bukanlah peranan Jabatan Penerbangan Awam untuk mewujudkan suasana yang membolehkannya," terang Yang Berhormat lagi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Tindakan pengkorporatan perlu dilaksanakan secara teratur

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Dato sepertimana yang dikongsikan jabatan yang akan dikorporatkan selanjutnya yang dalam perancangan adalah Jabatan Perkhidmatan Pos.

Walau bagaimanapun tegas Yang Berhormat, pada setiap tindakan pengkorporatan ini, ia mestilah dilaksanakan secara teratur terutama sekali apabila melibatkan hal ehwal kakitangan pekerja dan seumpamanya.

"Oleh yang demikian, memang hasrat untuk menjadikan Jabatan Penerbangan Awam mahupun Jabatan Pengangkutan Darat lebih efisien dan pengkorporatan adalah salah satu cara daripadanya, tetapi usaha akan terus dibuat ke arah menjadikan jabatan-jabatan tersebut walaupun belum dikorporatkan, penambahbaikan akan terus dilakukan, jangannya menunggu pengkorporatan tidak dilakukan sebarang penambahbaikan sementara waktu itu," tekan Yang Berhormat lagi.

Justeru, dari segi keutamaan

pada masa Tahun Kewangan 2023/2024 ini, keutamaan akan diberikan Jabatan Perkhidmatan Pos sebelum kita menunduki lagi untuk mengkorporatkan jabatan-jabatan yang lain selayaknya, jelas Yang Berhormat Menteri.

Menyentuh dengan kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa untuk bertindak mengatasi apa jua kecemasan, Jabatan Penerbangan Awam pada masa ini terang Yang Berhormat Dato sudah terdapat *emergency response plan* dan *business continuity plan* masing-masing pada masa ini, di mana ianya juga telah mengambil kira akan pengalaman - pengalaman daripada insiden-insiden yang terdahulu.

"Sebagai contoh juga Jabatan Penerbangan Awam juga telah membeli *capability* untuk *aircraft recovery* yang mana telah terbukti diperlukan semasa insiden Air Asia yang lalu, Alhamdulillah Jabatan Penerbangan Awam telah sudah *purchase*

peralatan tersebut dan beberapa pegawai juga telah dihantar untuk menghadiri kursus-kursus untuk menggunakan jentera-jentera tersebut dan juga tatacara *aircraft recovery*," ujar Yang Berhormat Dato.

Berkenaan cadangan mengadakan *second runway*, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menurut Yang Berhormat, pada masa ini menunduki *airport master plan* yang mana sedang *direview*.

"Pada masa ini, perancangan untuk membuat *second runway* itu belumlah ada kerana ia melibatkan penglibatan kos dan juga menjejaskan kawasan-kawasan atau tanah-tanah yang berhampiran *airport* yang

mungkin perlu digantikan," katanya.

Dalam hubungan itu, selain daripada menubuhkan *second runway*, tatacara-tatacara yang lain juga difikirkan yang mungkin masih dapat memastikan *business continuity* lapangan antarabangsa tidak terjejas begitu lama sekiranya apa-apa jua berlaku insiden. Dalam hubungan ini, beberapa senario kecemasan atau *business continuity traits* telah diambil kira dan insyaaAllah akan dikemaskinikan atau *direview* dari semasa ke semasa termasuk latihan - latihan *emergency* atau *business continuity* akan diadakan dari semasa ke semasa.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Berhubung dengan pengkorporatan Jabatan Pengangkutan Darat dan juga Lapangan Terbang Antarabangsa atau Jabatan Penerbangan Awam, sememangnya Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mempunyai sejarah dan berjaya untuk mengkorporatkan beberapa jabatan-jabatannya.

Perkara itu ditekan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha ketika mengulas mengenai isu pengkorporatan yang diketengahkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin semasa persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan

ANTARA yang hadir pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Persidangan tersebut.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENGUATKUASAAN MENGENAI MASALAH 'SPEEDING' DIFOKUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Menyentuh mengenai insiden-insiden kemalangan jalan raya sepertimana yang diketengahkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin ketika membincangkan Belanjawan 2023 Perbekalan 2023/2024 Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi di persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha memaklumkan dari segi jumlah kemalangan dan juga statistik kehilangan, alhamdulillah telah menurun dari setahun ke setahun kecuali ada *blip* pada tahun lepas.

Walau bagaimanapun, usaha berterusan dijalankan oleh MKKJR yang mana lima keutamaan utama pada tahun ini adalah untuk menguatkuasakan atau memberi *priority* kepada penguatkuasaan khususnya daripada masalah *speeding*.

Tidak dinafikan kebanyakan insiden-insiden kemalangan yang berlaku, punca utama adalah memandu dengan laju selain daripada memakai telefon bimbit, cuma *kejurangan evidence* seseorang itu memakai telefon

bimbit kecuali selepas berlakunya insiden, pihak polis akan meneliti sama ada telefon bimbit telah digunakan sebelum kejadian kemalangan tersebut.

Kedua yang akan ditunduki jelas Yang Berhormat Dato ialah berkenaan kualiti *driving schools* yang mana ingin diterapkan sepertimana Yang Berhormat Pengiran Haji Isa telah maklumkan mengenai budaya cara memandu.

"Ini adalah salah satu *priority* yang ditekankan pada tahun ini untuk menunduki lagi dari segi kualiti *driving schools* dan juga silibus-silibus yang diterapkan ke dalam sekolah memandu," ujar Yang Berhormat Dato.

Mengenai *content management* pula tambahnya, pada masa ini terdapat jawatankuasa yang menunduki *in terms of content management* dan dari segi jika jabatan-jabatan kerajaan atau pihak membuat aduan mengenai *websites* atau yang kurang senang dimasuki atau telah menunjukkan *pop-ups*.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

"Akan tetapi, kebanyakannya *controls* adalah pada *device* itu sendiri dan juga selalunya dengan sistem AI usually *pop-ups* itu timbul, barangkali ada *history* juga melalui *sites* tersebut.

"Perlulah kita *clean up the device* itu sendiri daripada ada *cookiesnya* atau *cachenya* *because* ia daripada *special adverts* menggunakan sistem AI dan melihat *sites* pernah dilawati dan ertinya kita berminat dan ia akan *automatically*

mencadangkannya," hurai Yang Berhormat Menteri.

Oleh yang demikian, dari kegiatan AITI dan juga CSB, beberapa nasihat-nasihat kepada para pengguna *devices* ini sering dikeluarkan dan disarankan juga ada peminta nasihat untuk menghubungi pihak AITI dan CSB yang lebih mahir untuk memberi cadangan dan nasihat bagaimana untuk memblok *sites* tersebut dari muncul pada *devices* individu masing-masing.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Lesen memandu Kelas 3A dalam pertimbangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Menyentuh mengenai Akta para 6 (C) 'permit tidak boleh dipindah milik', dicadangkan untuk dinilai ataupun dipinda seperti menggunakan kaedah berkeelayakan (*competent*) agar ia dapat beroperasi seperti sedia kala dan tidak menjejaskan pembelajaran para pelajar apabila masih mempunyai seorang atau mempunyai pelajar di sekolah tersebut (yang berkeelayakan) seperti jurulatih yang telah dilantik dan berpengalaman.

Perkara itu dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin pada persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambahnya, memandangkan banyak sekolah memandu yang beroperasi terpaksa tutup apabila pemilik (pengusaha) meninggal dunia. Dalam tempoh

kebelakangan yang terdekat, beberapa buah sekolah memandu tidak dapat meneruskan operasi dan menjejaskan sumber mata pencarian para jurulatih dan kakitangan dalam sekolah memandu tersebut.

Kesan daripada ini juga segala aset seperti bangunan yang telah disarankan untuk beroperasi di tapak yang bersyarat perniagaan, bilik kelas memandu, kelas teori kemudian kenderaan tidak berubah sehingga menjadi beban pewaris atau penjamin jika masih mempunyai pinjaman bank.

"Begitu juga, para pengusaha merasa bimbang untuk mengembang luaskan kemajuan sekolah secara besar-besaran memandangkan Akta ini boleh menjadikan sekatan untuk bergerak maju ke hadapan. Dipohonkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menilai semula untuk mengemas kini bagi kebaikan semua pihak," ujarnya.

Begitu juga pemohon untuk mendapatkan permit pengusaha memandu dan jurulatih memandu

mengambil masa sehingga beberapa tahun.

Yang Berhormat turut mencadangkan agar kiranya pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menambah lagi kelas lesen memandu kenderaan menggunakan automatik sebagaimana negara-negara lain telah pun menggunakan kenderaan automatik iaitu dalam latihan dan ujian memandu tanpa syarat.

Perkara itu mendapat perhatian Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dengan turut menyambut baik saranan dan cadangan yang dikemukakan oleh beliau, selain turut mengongsikan bahawa kementerian sememangnya pada tahun ini akan menduduki semula lagi sekolah memandu dan juga pengawal seliaannya.

"Oleh demikian perkara-perkara yang telah dikongsikan itu akan dapat diambil kira bersama. Menyentuh sedikit mengenai dengan pindah milik memang dijatuhkan nama pada individu tertentu tetapi pada masa ini ia adalah dibenarkan secara pentadbiran atau ihsan untuk dipindah milik sementara perubahan yang diperlukan yang dibuat," jelas Yang Berhormat Dato.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang bas

Pada masa yang sama cadangan untuk memperkenalkan kategori lesen automatik adalah memang dalam pertimbangan pada masa ini insyaaAllah akan dikongsikan kemajuan, iaitu hasil daripada penilaian yang telah dibuat pada masa ini.

Untuk makluman terang Yang Berhormat Dato, draf awal kertas kerja telah juga disediakan bagi cadangan untuk mengadakan lesen memandu Kelas 3 Automatik ataupun Kelas 3A yang mana akan dibincangkan dahulu bersama Jawatankuasa Kenderaan Bermotor Permit atau di dalam Jawatankuasa

Kenderaan Bermotor yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan permit sekolah memandu.

"Mereka telah sebenarnya bersidang pada tahun lepas yang mana mereka telah menyokong untuk pengubalan pada undang-undang, Road Transport Act untuk membolehkan untuk juga dibukakan tawaran kepada pengusaha yang sedia ada untuk memasukkan Kelas 3A di dalam kurikulum sekolah memandu dan membeli kenderaan automatik untuk pembelajaran," nyata Yang Berhormat Menteri lagi.



ANTARA yang hadir pada persidangan MMN tersebut.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM
PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT
NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI
LAMAM SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.

GANJARAN PAHALA SETIAP AMALAN DILIPATGANDAKAN

ANTARA yang hadir mendengarkan Tazkirah 'Marhaban Ya Ramadan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Hafizzuddin bin Pengiran Haji Bakar.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 26 Mac. - Salah satu tanda keimanan seorang Muslim adalah perasaan gembira dengan kehadiran Ramadan.

Ia umpama menerima satu kunjungan orang yang terhormat, yang begitu hebat datang menyapa dan berkunjung kepada kita, dalam kerangka membawa rahmat bagi yang memilikannya.

Dari itu amat dikesali seandainya perasaan itu tiada terwujud, kerana kelak kita akan tidak dapat merasakan segala kebaikan yang terkandung di dalamnya sehingga ia berlalu meninggalkan kita tanpa memberi kesan kepada jiwa.

Demikian antara inti pati dalam tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Hafizzuddin bin Pengiran Haji Bakar, baru-baru ini.

Beliau dalam tazkirahnya bertajuk 'Marhaban Ya Ramadan' seterusnya menjelaskan bahawa segala amalan dilipatgandakan ganjaran pahalanya, bulan penuh limpahan keberkahan, bulan suci, bulan istimewa yang penuh rahmat dan keampunan.

"Bulan yang menjadi wasilah kita dapat terhindar daripada seksaan api neraka, iaitu bulan

Ramadan," katanya pada tazkirah yang berlangsung di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah di sini.

Adapun jelasnya, Ramadan adalah bulan yang diwajibkan ke atas umat Islam berpuasa, Ramadan adalah bulan Syiam (berpuasa di siang hari) dan Qiam (menghidupkan malam dengan solat sunat, tilawah Al-Quran, Zikir dan doa).

Ramadan ujarnya, adalah bulan ibadah di mana dibuka pintu-pintu syurga. Mereka yang terus melaksanakan pelbagai amalan yang mengandungi ibadah atau kebaikan, akan menyediakan dirinya dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala untuk masuk ke syurga.

"Pintu neraka ditutup di bulan Ramadan. Ertinya, dengan kehadiran bulan Ramadan, kita dianjurkan untuk memperbanyakkan amal kebaikan maka dengan

sendirinya perbuatan yang tidak baik (maksiat) dihindarkan.

"Dengan demikian, maka tidak ada lagi kesempatan untuk bermaksiat, dengan itu tertutuplah pintu-pintu neraka," katanya lagi.

Pengiran Haji Hafizzuddin seterusnya menerangkan, bulan Ramadan dipermudahkan kepada umat Islam melaksanakan ibadah kerana syaitan dirantai atau dibatasi pergerakannya untuk mengganggu atau menggoda.

"Mari kita menyediakan diri dengan bersungguh-sungguh untuk mempergiatkan usaha beramal di bulan Ramadan. Ahlan Ya Ramadan. Ramadan aku kembali mendamba reda llahi yang berlimpah di dalamnya.

"Bahkan dengan kita sudah berada di bulan Ramadan ini, sebenarnya kita telah register diri ke universiti yang berprestij yang menawarkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Yayasan

pelbagai amalan yang perlu dilaksanakan demi mencapai tingkat takwa," tambahnya lagi.

Dari itu, Pengiran Haji Hafizzuddin selanjutnya menyeru agar kita bersungguh-sungguh melakukan amal ibadah di bulan Ramadan ini khusus ibadah puasa kerana kata Imam Al-Ghazali dalam Kitab Ihya Ulumuddin mengatakan bahawa

puasa sangat istimewa dibandingkan ibadah lain disebabkan Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran langsung kepada hambanya.

Pengiran Haji Hafizzuddin juga menyeru untuk meningkatkan ibadah di bulan Ramadan ini selain ibadah puasa itu adalah seperti Tarawih dan bersedekah.

■ **SEGALA** amalan dilipatgandakan ganjaran pahalanya, bulan penuh limpahan keberkahan, bulan suci, bulan istimewa yang penuh rahmat dan keampunan.

■ **RAMADAN** adalah bulan yang diwajibkan ke atas umat Islam berpuasa, Ramadan adalah bulan Syiam (berpuasa di siang hari) dan Qiam (menghidupkan malam dengan solat sunat, tilawah Al-Quran, Zikir dan doa).

■ **BULAN** Ramadan dipermudahkan kepada umat Islam melaksanakan ibadah kerana syaitan dirantai atau dibatasi pergerakannya untuk mengganggu atau menggoda.

مقركنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن


Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

PENUTUPAN SEMENTARA STESEN MINYAK BAGI PEMERIKSAAN ALAT SUKATAN PAM MINYAK

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan

alat sukatan dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi hingga selesai, yang mana anggaran perlaksanaannya adalah sekitar dua jam. Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	12hb April 2023 (Rabu) 09:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi Peladang, Kampong Sungai Teraban	Belait
2	15hb April 2023 (Sabtu) 09:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Tasamul, Kampong Lumapas	Brunei Muara
3	17hb April 2023 (Isnin) 09:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak Sungai Bakong Lumut, Kampong Sungai Bakong	Belait
4	27hb April 2023 (Khamis) 09:00 pagi - 11:00 pagi	Stesen Minyak PHA Bakar bin Jambol, Kampong Suran	Tutong

bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan April 2023 tertera di dalam

Rajah. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi

Unit SDT, IBE melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian +673 233 4092.

Kapal JS SUZUTSUKI berlabuh di NBD



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Mac. - Sebuah kapal Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun (JMSDF), iaitu JS SUZUTSUKI membuat pelabuhan di Pelabuhan Muara hari ini dan berada di negara ini selama tiga hari.

Seramai 230 anak kapal dan 30 pegawai bertauliah

menyertai pelayaran berkenaan, di bawah pimpinan Komander Bahagian Pengiring 8, Kapten Takahiro ligatani.

Setibanya JS SUZUTSUKI di Pelabuhan Muara, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) mengadakan upacara mengalu-alukan kapal berkenaan.

Semasa berada di atas

kapal, Kuasa Usaha ad interim Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam, Suda Atsushi, disambut oleh Pegawai Memerintah JS SUZUTSUKI.

Mereka disertai oleh tiga orang pegawai dari TLDB dan membincangkan cabaran yang dihadapi oleh rantau



DIVISYEN Pengiring Komander 8, Takahiro ligatani dan Pegawai Komandan Pusat Latihan Tentera Laut, Md. Zouhdy ketika bergambar ramai dan bertukar cenderamata sebagai mengesahkan hubungan rapat di antara kedua-dua tentera laut (kiri dan atas). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kapal Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun (JMSDF), iaitu JS SUZUTSUKI membuat pelabuhan di Pelabuhan Muara.

Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam

ini dan cara ke hadapan untuk mengekalkan kestabilan serantau.

Divisyen Pengiring Komander 8, Takahiro ligatani dan Pegawai Komandan Pusat Latihan Tentera Laut, Md. Zouhdy bertukar cenderamata, sebagai mengesahkan hubungan rapat

antara kedua-dua tentera laut.

Lawatan JMSDF berkenaan bertujuan untuk membangunkan dan memupuk pengetahuan serta kemahiran asas dan perspektif antarabangsa dan menggalakkan hubungan mesra dengan negara - negara pelabuhan.



دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ آعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَنَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانِ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لِمَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَقَضَىٰ بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسُنَ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِدَنِّي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN**

Bilangan Tawaran :
08 / 2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Penyewaan
Bangunan Dan Pengubahsuaian
Kilang Pemprosesan Makanan
Di Kawasan Kemajuan
Pertanian Bangunan
Bengkel Kejuruteraan, KKP
(Stesen Pertanian) Sinaut

Lokasi :
Bangunan Bengkel
Kejuruteraan
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) (Stesen Pertanian) Sinaut
Daerah Tutong

Tujuan :
Untuk menjalankan perusahaan
agrimakanan khususnya
pemprosesan makanan

Tempoh iklan :
3 minggu

Harga penjualan borang :
BND1.00 / borang

Tarikh akhir pembelian borang :
Khamis,
20 April 2023

Tarikh akhir menghantar :
Isnin,
22 Mei 2023,
Sebelum jam 3.00 Petang


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Keterangan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / JKSH / BTI / 01 /
2023-2024

Tajuk Sebut Harga :
The Supply and Delivery Of
Printers For Ministry Of Primary
Resources and Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
6 April 2023,
Jam 12.00 Tengah Hari


**JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN**

Bilangan Tawaran :
09 / 2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Penyewaan
Bangunan Dan Pengubahsuaian
Kilang Pemprosesan Makanan
Di Kawasan Kemajuan
Pertanian Bangunan Inkubator,
KKP (Stesen Pertanian) Sinaut

Lokasi :
Bangunan Inkubator
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) (Stesen Pertanian) Sinaut
Daerah Tutong

Tujuan :
Untuk menjalankan perusahaan
agrimakanan khususnya
pemprosesan makanan

Tempoh iklan :
3 minggu

Harga penjualan borang :
BND1.00 / borang

Tarikh akhir pembelian borang :
Khamis,
20 April 2023

Tarikh akhir menghantar :
Isnin,
22 Mei 2023,
Sebelum jam 3.00 Petang


**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Pembersihan Bangunan Luar
Dan Dalam Kementerian
Pengangkutan Dan
Infokomunikasi Jalan Menteri
Besar Bagi Tempoh 1 Tahun

Rujukan Tawaran :
KP (MC)SUT / 6.12 / ASSET / 01 /
2021 - 2022

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
5 April 2023


**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDBM / SH / TAPAU NASI /
K / 01 / 2023

Tawaran :
Menyediakan Nasi Berpek
(Ayam / Daging Dan Sayur) Atau
Mee Dan Ayam Goreng Berserta
Air Minuman Botol Kecil Bagi
Latihan Dan Majlis
Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara

Bilangan Tawaran :
JDBM / SH / TAPAU KUEH / K /
02 / 2023

Tawaran :
Menyediakan / Membekalkan 3
Jenis Kueh Berserta 1 Botol
Kecil Air Putih Dan 1 Kotak


**PEJABAT SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM**

Kelas & Kategori :
I & II
S06 & S07

Bilangan :
SPA / BPK / SBH / 01 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Pemotongan Pokok
Di Bahagian Belakang
Di Bangunan Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND10.00 tunai
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin,
6 April 2023


**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK**

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Membuat Dan
Mencetak Barangan Bagi
Keperluan Promosi Dan
Advokasi

Bilangan Sebut Harga :
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Minuman Manis Semasa Majlis
Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Brunei
Dan Muara (Bagi Penuntut
Pengibar Bendera)

Bilangan Tawaran :
JDBM / SH / BUFFET / K / 03 /
2023

Tawaran :
Menyediakan / Membekalkan
Jamuhan Berserta Minuman
Panas / Minuman Botol Semasa
Latihan Dan Persiapan Majlis
Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Brunei
Dan Muara (Bagi Petugas-
Petugas Dan Ahli-Ahli
Jawatankuasa)

Bilangan Tawaran :
JDBM / SH / BUFFET /
K / 05 / 2023

Tawaran :
Menyediakan / Membekalkan

Jamuhan Menggunakan (Dome)
Berserta Minuman Panas /
Minuman Botol Semasa Latihan
Dan Persiapan Majlis
Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Brunei
Dan Muara (Bagi Ahli-Ahli
Jawatankuasa Tadbir Tertinggi)

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
11 April 2023,
Sebelum jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDBM / SH / BUFFET / K / 04 /
2023

Tawaran :
Menyediakan / Membekalkan
Jamuhan Bagi Majlis
Keberangkatan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam Bercemar
Duli Dan Ramah Mesra
Dengan Rakyat Dan Penduduk
Daerah Brunei Dan Muara
(Bagi Ahli-Ahli Penghulu-
Penghulu Dan Ketua-Ketua
Kampung, Ahli-Ahli

Jawatankuasa, Urusetia,
Pegawai Serta Kakitangan
Keselamatan, Media Masa
Serta Pemandu-Pemandu
VIP

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
11 April 2023,
Sebelum jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan / Pembekalan :**
Two (2) Years Term Contract

For Cleaning Brunei
Darussalam Meteorological
Department At Weather
Observation Division's Building,
Brunei International Airport,
Berakas, Negara Brunei
Darussalam

Bilangan Sebut Harga :
JKBD / 2022 / SH-17

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00 Senaskah
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 19 April 2023,
Sebelum jam 9.00 Pagi





**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 247 / 2022

Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Muhammad Hardy Hisyam bin
Bujang @ Herdey Anak Bujang
(00-289619)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **4 Februari 2023**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui :

Muhammad Hardy Hisyam bin
Bujang @ Herdey Anak Bujang
No. 2, Block B Barek Polis,
Gadong, BE1710
Negara Brunei Darussalam dan
No. 14, Simpang 661-32, RPN
Kg. Rataie, Temburong, Negara
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
12 Januari 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
14 Februari 2023

Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **4 Februari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9),
Mahkamah Besar pada **22 Mac
2023, jam 9.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **22 Mac 2023, jam 9.15 Pagi**

di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
14 Februari 2023

Kes No. BCY / CP / 105 / 2021

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

Mohammad Amin Noor Rashid
bin Haji Mohamed (01-038409)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **16 Februari
2023**.

Nama dan Alamat Bankrap :
Mohammad Amin Noor Rashid
bin Haji Mohamed
No. 13A, Simpang 637-84-164,
STKRJ Kg. Lambak Kiri,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
25 Januari 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar
oleh Bankrap tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
21 Februari 2023

Kes No. BCY / CP / 144 / 2015

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
- Pemiutang / Pemetisyen

Samrie bin Ibrahim
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang
dibuat terhadap Penghutang
berikut pada **8 Ogos 2015** telah
dibatalkan pada **25 Februari
2023**.

Nama Penghutang :
Samrie bin Ibrahim

Alamat Penghutang :
No. 17, Simpang 29, RPN Kg.
Pandan Mumong, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
27 Februari 2023

Mohammad Marzuqi bin Sabtu
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN**

Bilangan Tawaran :
07 / 2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Penyewaan
Bangunan Dan Pengubahsuaian
Kilang Pemprosesan Makanan
Di Kawasan Kemajuan
Pertanian Bangunan Stesen
Pertanian, KKP Luahan

Lokasi :
Bangunan Stesen Pertanian
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Luahan
Daerah Brunei dan Muara

Tujuan :
Untuk menjalankan perusahaan
agrimakanan khususnya
pemprosesan makanan

Tempoh iklan :
3 minggu

Harga penjualan borang :
BND1.00 / borang

Tarikh akhir pembelian borang :
Khamis,
20 April 2023

Tarikh akhir menghantar :
Isnin,
22 Mei 2023,
Sebelum jam 3.00 Petang



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET
/ 02 / 2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Garbage Collection and
Disposal Services For Ministry
Of Primary Resources and
Tourism Building For the Period
Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
13 April 2023,
Jam 12.00 Tengah Hari



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
JKBD / 2022 / SH-19

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Dua (2) Tahun Bagi
Pemotongan Rumput Dan
Pembersihan Tapak
Stesen-Stesen Jabatan
Kajicuaca Negara Brunei
Darussalam.

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
19 April 2023,
Sebelum jam 9.00 Pagi



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
JKBD / 2022 / SH-18

Tajuk Sebut Harga :
Two (2) Years Term
Contract For Rodent, Pest and
Snake Control For Brunei
Darussalam Meteorological
Department Headquarters B23
Flat Anggerek Desa, Swiper
Building, Meteorological Station
At Brunei International Airport
and Dopler Radar Building.

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 5 April 2023,
Sebelum jam 9.00 Pagi



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi Iklan Tawaran **TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالینن کمبر ۲ دیکیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
 satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
 pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
laman galeri Infoto (www.infoto.gov.bn)
 dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
 oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
 JABATAN PERDANA MENTERI,
 LAPANGAN TERBANG LAMA,
 BERAKAS, BB3510,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
 KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
 BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
 8.00 Pagi – 12.00 T/hari
 2.00 Ptg – 3.00 Ptg
 Sabtu
 8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
 Jabatan Perdana Menteri
 Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

IMBASAN MINGGUAN



BERBAGI keberkatan bulan Ramadan Al-Mubarak dan untuk berkongsi kebahagiaan serta kegembiraan bersama masyarakat yang memerlukan bantuan. Kegiatan pembahagian sumbangan makanan asasi kepada ahli keluarga yang kurang berkemampuan di bawah Projek Titian Kasih PPPBD yang diusahakan bersempena kehadiran bulan Ramadan yang bakal menjelang tiba. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TIDAK melepaskan peluang meraih rezeki yang luas khususnya bagi para peniaga jualan makanan dan minuman pada bulan Ramadan. - Foto : Azmah Haji Ahad



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Brunei Darussalam National Spelling Bee Competition 2023 menunjukkan kepintaran masing-masing dalam pertandingan tersebut yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa. - Foto : Azmah Haji Ahad

MERUKYAH anak bulan Ramadan 1444 Hijrah... Umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan mula menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir serta bertadarus Al-Quran di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara pada Rabu, 1 Ramadan 1444 Hijrah bersamaan 22 Mac 2023 Masihi selepas Sembahyang Fardu Isyak. - Foto : Hamzah Mohidin



MAJLIS Tadarus bagi Ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) Tahun 2023 dianjurkan untuk menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan, mendekatkan diri dengan Al-Quran dengan memperbaiki dan menghalusi bacaan masing-masing, di samping meningkatkan lagi hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan semua ahli persatuan. - Foto : Azmah Haji Ahad

سردك سري

عمالن ۲ يغ دکالککن دبولن رمضان

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن سبتر-بئر تقوى يابت دغن مينغککن کلپمان کفدان. سسغکهن اورغ يغ فاليع مليا دسيبي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فاليع بر تقوى. مدهمدهن کيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، بر اوله کحيان دان کسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، کيت برشکور کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کران ديري فلواغ دان کسمقن قد تاهون اين انتوق بر تمو دغن بولن رمضان، بولن يغ فنه کبرکن، بولن کامقونن دان رحمة درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

سباکيمان يغ کيت سموا معلوم بهوا بولن رمضان ايت اداله بولن عبادة. بولن باکي مليفتکنداکن عمل عبادة کيت کفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، اوله يغ دمکين، امة بر اونوغله اورغ ۲ يغ مريوت کنجانن يغ تله دجنجککن اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان امله روکي قول باکي اورغ ۲ يغ منسيا-سباکين. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا يغ برمقصود: ستيف عمالن کباکين يغ دلاکوکن اوله اتي آدم اکن دليفت کنداکن دغن سفولوه کباکين هيغت توجه راتوس کالي کندا. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بر فرمان يغ تفسيرن: کحوالي عمالن فواس، عمالن فواس ترسيوت اداله انتوقکو، آکو سنديري يغ اکن مبالسن. دسيبکن دي تله مينغکلکن شهوات دان ماکنن کرانکو. باکي اورغ يغ بر فواس اکن مندافتکن دوا کبهکيان يابت کتيک دي بر بوکا دان کتيک برجومقا دغن توهنن. سسغکهن باو مولوت اورغ يغ بر فواس اداله ليه هاروم دسيبي الله درقد باو کستوري. {حديث رواية امام مسلم}

جماعه يغ درحمي الله،

سسغکهن بولن رمضان مروفاکن وقت ترپايک انتوق کيت مندديق ديري کيت کاره کباکين کران قد بولن اين کيت بوکن ساج دواجبکن انتوق بر فواس دان مغاول هاوا نقسو، بهکن کيت دوتوتوت انتوق ممقربايقکن عمالن ۲ سنة. انتارا عمالن ۲ سنة يغ داجورکن انتوق دلاکوکن دسمنجغ بولن رمضان ايت، انتاران: قرنام: برسحور. علماء سفاکة مغانکن بهوا حکوم ماکن سحور اداله سنة. سحور بوکن ساج ممريکن تانگ انتوق کيت بر فواس دسياغ هاري ماله اي جوك مغندوشي کبرکن. درقد انس بن مالك رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا:

تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكَةً.

مقصودن:

برسحورله کامو، سسغکهن دالم سحور ايت ممقرياي برکة. {حديث رواية امام بخاري}

سسغکهن برسحور مروفاکن فربولنن يغ ممبيلانن فواس اومة اسلام دغن فواس فغانوت اکام لاين. درقد عمرو بن العاص رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا:

فَصَلِّ مَا بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ، أَكَلَهُ السَّحْرُ.

مقصودن:

سسغکهن فريضان فواس کيت (اومة اسلام) دغن فواس اهل کتاب (يهودي دان نصراني) ايله ماکن سحور. {حديث رواية امام مسلم}

کلوا: برصدفه. فربايقکنله عمالن برصدفه کران رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اداله اورغ يغ فاليع بايق برصدفه ليه ۲ لاکي دبولن رمضان. تيلق کيراله صدغه ايت کجبل اتوفونن بسر، بايق اتو سدبيکيت اي تنف دکالککن.

کتيک: سمبيغ سنة تراويح. سسغکهن بارغسياغ يغ مغيهدوفکن مالم ۲ دبولن رمضان دغن ممقربايقکن سمبيغ سنة کران ايمان دان مغيرافکن کنجانن درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مک اکن دامقونکن دوسا-دوسان يغ تله لالو. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

مقصودن:

سسياغ يغ منکفکن رمضان کران ايمان کفد الله دان مغيرافکن فهلا (هان درين)، مک اکن دامقوني دوسا-دوسان يغ تله لالو. {حديث رواية امام بخاري}

کامفة: مباح القرآن. بولن رمضان مروفاکن بولن القرآن. اوله ايت، فربايقکنله مباح القرآن دبولن اين سفرت بر تاروس سام اد دفحابة، درومه اتنه لاکي دمسجد-مسجد.

کليم: ميوغکيکن. عمالن ميوغکيکن اتو ممري ماکن انتوق اورغ يغ بر بوکا فواس اداله ساعه دکالککن دان ممقرياي کنجانن يغ ساعه ايسنيميو. درقد زيد بن خالد الجهني رَضِيَ اللهُ عَنْهُ برکات، بهوا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا:

مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا. مقصودن:

سياغ ممري ماکن اورغ يغ بر فواس، مک باکين فهلا سفرت اورغ يغ بر فواس ترسيوت، تنفا مغوراغي فهلا اورغ يغ بر فواس ايت سدبيکيت فون جوك. {حديث رواية امام ترمذي}

جماعه يغ درحمي الله،

بولن رمضان اداله کسمقن يغ ترپايک باکي کيت انتوق ممقربايکي ديري دري سودوت عبادة دان مندککن ديري کيت کفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. جوسرتو، اداله منجادي کروکين سکيران دبولن اين کيت هان سقدر بر فواس دسياغ هاري تنفا ملاکوکن عمل عبادة يغ لاين.

جاديقنله بولن رمضان سباکي فغکرق يغ مباوا کفد فروبهن يغ بسر دالم ديري کيت دان ممقو مندديق هاتي دان جيوا کيت انتوق سنتياس فاتوه مغيراکن سکل يغ دفرينتهکن دان مينغکلکن سکل يغ دلارغ اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. موده-مودهن عبادة فواس يغ کيت کرجاکن دسمنجغ بولن رمضان اين دترما دان منداقة کنجانن سرت کريضان درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

تفسيرن:

دان سسياغ يغ مغيهدفي (کبهکيان هيدوف) اخيرة دان بر اوسها (مغيراکن عمل کبايقن) انتوق (توجوان) ايت دغن اوسها يغ برسغکوه-سغکوه سداغ دي بر ايمان مک مريک ايتله يغ اوسها مريک دکورنياکن کنجانن يغ بايک (دبري فهلا). {سورة الإسراء آية: ۱۹}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَمَا فَوَّزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَأْتِجَاةَ التَّائِبِينَ.

OPERASI SEPADU SENEGARA TEMUI PELBAGAI KESALAHAN



SEMASA Operasi Sepadu Senegara dilaksanakan dari 20 sehingga 22 Mac 2023 telah menemui pelbagai kesalahan (atas, atas kanan dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Operasi Sepadu Senegara telah dilaksanakan oleh Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan dari Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Temburong dan Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi (JASTRe), dengan matlamat bagi memastikan pematuhan Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian, Penggal 30, Pindaan 2021 bermula dari 20 Mac 2023 sehingga 22 Mac 2023.

Sebanyak 20 kompaun telah dikeluarkan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian, Penggal 30, Pindaan 2021, 21 kompaun daripadanya telah dikenakan ke atas syarikat-syarikat.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Petlink Enterprise Sdn. Bhd.; FG Kitty Pethouse; Nurbismi; Nazuwah Enterprise; Mashhor Cleaning Services Sdn. Bhd.; Mohd Wa'ie Trading; Samima; Brunei Meat Company Sdn. Bhd.; Wingz Auto Parts and Tyre Company; Newton Agency.

Syarikat Syahiran Contractor; Topcity Enterprise; M.S Alam Sdn. Bhd.; S.Naaz Sdn. Bhd.; Dheera Tailor; Q-Inn Restaurant; N-Tasmin Enterprise; Syarikat Pg Hajah Jamilah binti Pg Mat Daud; Grand Motor Sdn. Bhd.; Syarikat Faseeha Ria Enterprise dan Restaurant Al-Riziqe.

Manakala sembilan kompaun daripadanya telah dikenakan kepada individu-individu iaitu Awang Md. Rasik Sulthan Abd. Kader; Mohd. Shahril Anuar bin Suhaili; Rose anak Asson; Jomer Cadacio Gonzales; Christian Sin Son; Nur Kholis; Rohmat Sugeng Widodo; Wong Fook Khiong dan M Irwanshah.

Sementara itu, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan kolaborasi bersama Jabatan Pengangkutan Darat telah mendapati 36 buah kenderaan dipercayai terbiar lama di kawasan-kawasan letak kereta awam dan di bahagian tepi jalan raya tanpa kebenaran yang sah yang dimulai dari kawasan Batu Besurat, letak kereta awam sekitar kawasan komersial Kampung Menglait dan kawasan Kampung Telanai.

Sebanyak enam buah daripada jumlah tersebut telah dialih ketapak pelupusan melalui Jawatankuasa Abandoned Vehicles Nationwide Clean-Up Project.

Manakala 30 buah lagi telah dialih sendiri oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas kenderaan-kenderaan berkenaan melalui mediasi dengan pemilik-pemilik kenderaan.

Dalam operasi yang lain, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Daerah Brunei dan Muara bersama dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK),



Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) serta Safety, Health and Environment National Authority (SHENA) telah membuat serbuan ke atas tempat penginapan pekerja asing di Kampung Mulaut.

Hasil daripada serbuan tersebut, dua warga Bangladesh telah diberikan Pas Khas oleh JIPK, manakala dua warga asing telah didapati memiliki barang tegahan di bawah Bab 146 Perintah Eksais Diraja 2006 iaitu memiliki empat karton x 20 paket x 40 batang rokok bersama dengan empat paket x 20

batang rokok dan 19 batang rokok berlainan jenama produk.

Sehubungan itu, adalah diperingatkan kepada mana-mana individu, orang awam atau badan-badan syarikat untuk sentiasa mematuhi akan peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada di Negara Brunei Darussalam serta sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan sifat bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar dan demi kemaslahatan orang ramai.

Pembatalan pendaftaran, penarikan balik produk mengandungi Pholcodine

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam (PBKUNBD) telah membatalkan pendaftaran ubat yang mengandungi Pholcodine dan mengeluarkan notis penarikan balik ke atas semua produk mengandungi Pholcodine yang telah diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ini adalah berdasarkan penelitian menyeluruh data keselamatan pasca pemasaran termasuk keputusan kajian klinikal iaitu 'Allergy to Neuromuscular Blocking Agents and Pholcodine Exposure (ALPHO)' dan maklumat daripada pihak berkuasa kawalan ubat negara-negara lain seperti Australia, United Kingdom, European Union dan Malaysia.

Pembatalan pendaftaran dan penarikan balik ini berikutan terjadinya risiko keselamatan yang dikesan iaitu risiko anaphylaxis (reaksi alahan yang amat serius

yang terjadi secara tiba-tiba dan boleh membawa maut) dengan penggunaan ubat pengendur otot (*muscle relaxant*) atau Neuromuscular Blocking Agents (NMBAs) ketika pembiusan umum (*general anaesthesia*) diberikan semasa menjalani pembedahan, terutamanya bagi pengguna yang telah mengambil ubat yang mengandungi Pholcodine dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

Setakat ini, Pusat Kebangsaan Pemantauan Reaksi Ubat Advers, Bahagian Farmakovigilans, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan tidak pernah menerima laporan mengenai kesan sampingan daripada pengambilan produk yang mengandungi Pholcodine.

Walau bagaimanapun, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) telah pun melaporkan sebanyak 42 laporan *anaphylactic reaction* dan 20 laporan *anaphylactic shock* yang melibatkan penggunaan Pholcodine.

Daripada jumlah tersebut,

terdapat sembilan kes yang melibatkan penggunaan bersama NMBA (*suxamethonium*). Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa risiko penggunaan ubat Pholcodine telah melebihi manfaatnya.

Pholcodine adalah sejenis ubat yang berfungsi untuk mengawal dan menghentikan batuk kering dalam kalangan dewasa dan kanak-kanak.

Ia juga merupakan bahan aktif yang terkandung dalam sesetengah ubat Lozenges untuk memberi keselesaan kepada tekak di samping mengawal batuk kering.

Produk yang mengandungi Pholcodine diklasifikasikan sebagai Pharmacy (P) Medicine di NBD iaitu ubat yang boleh diperolehi dari farmasi di bawah penyeliaan ahli farmasi dan boleh dibekalkan tanpa preskripsi doktor.

Produk ubat yang mengandungi Pholcodine tidak ada dibekalkan di institusi-institusi kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, produk

tersebut ada dijual di pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik dan farmasi di sektor swasta dan besar kemungkinan juga setengah individu mempunyai stok ubat tersebut yang dibeli dari luar negeri.

Semua pemegang pendaftaran produk dan pemegang import produk yang telah mengimport produk ubat yang mengandungi Pholcodine ke NBD adalah diarahkan untuk memaklumkan kepada pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik dan farmasi di mana produk tersebut telah dibekalkan untuk memberhentikan penjualan dan pengedarannya dengan serta-merta.

Sehubungan itu, doktor dan ahli farmasi juga diingatkan untuk memberhentikan pemberian preskripsi, mendispens atau menjual semua produk mengandungi Pholcodine dengan serta merta dan memberikan ubat alternatif kepada pesakit.

Orang ramai yang mempunyai bekalan ubat yang mengandungi Pholcodine adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya

dengan serta-merta. Orang ramai adalah juga diingatkan untuk menyemak label atau sisip bungkusan produk ubat mereka khususnya ubat batuk, sesma dan Lozenges, sama ada mengandungi bahan aktif Pholcodine.

Bagi individu yang akan menjalani pembedahan dan memerlukan bius sepenuhnya, adalah juga dinasihatkan untuk memaklumkan kepada doktor sekiranya mereka pernah mengambil ubat yang mengandungi Pholcodine dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan dan keselamatan orang ramai adalah menjadi keutamaan.

Penilaian berterusan keselamatan dan kualiti ubat dijalankan bagi memastikan ubat-ubatan adalah sentiasa berkualiti, selamat dan berkesan untuk digunakan di NBD.

Bagi maklumat terkini orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn.



Ekspresikan kasih sayang dalam aktiviti Sambutan Hari Kesedaran Berkeperluan Khas

MURID-murid Berkeperluan Khas merupakan golongan istimewa yang mempunyai keupayaan dan kecerdasan tersendiri serta perlu diberi peluang dan ruang untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Di Negara Brunei Darussalam, kerjasama dan usaha berterusan telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat termasuk para pelajar mengenai perbezaan dan hak Kanak-kanak Berkeperluan Khas untuk mendapatkan peluang yang sama dengan orang lain agar mereka diberikan sokongan dalam menjalani kehidupan harian tanpa sebarang diskriminasi serta mencapai kualiti kehidupan yang lebih baik.

Konsep inklusif adalah penting untuk diketengahkan sama ada dari segi pendidikan mahupun pergaulan bagi meningkatkan lagi penerimaan masyarakat terhadap kepelbagaian keupayaan individu khususnya melibatkan Murid Berkeperluan Khas.

Ruangan Lensa Pelajar keluaran kali ini menampilkan aktiviti Sambutan Hari Kesedaran Berkeperluan Khas atau 'Special Needs Awareness Day' yang telah berlangsung di Sekolah Rendah Anggerek Desa (SRAD).

Sambutan tersebut diadakan bersempena Hari Sindrom Down Sedunia yang disambut setiap 21 Mac dan Hari Kesedaran Autisme Sedunia, yang diraikan setiap tahun pada 2 April.

Sambutan berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penerimaan orang ramai terutama warga sekolah tersebut terhadap Kanak-kanak Berkeperluan Khas khususnya mereka yang mengalami Sindrom Down dan Autisme, selain membina komuniti sekolah yang lebih inklusif.

Sokongan penuh dari warga SRAD dan pelbagai pihak termasuk guru besar, penolong guru besar, guru-guru, staf sokongan sekolah, ibu bapa dan penjaga; serta pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ihsan Sekolah Rendah Anggerek Desa

selaku hakim bagi Pertandingan Kad Ucapan sambutan berkenaan, serta orang ramai mempamerkan sikap keterbukaan dan penerimaan masyarakat di negara ini terhadap Kanak-kanak Berkeperluan Khas.

Dalam mengendalikan sambutan tersebut, pihak SRAD telah mengadakan Pertandingan Mencipta Video Pendek disertai rumah-rumah sukan sekolah berkenaan, yang memaparkan maklumat mengenai Murid-murid Berkeperluan Khas, khususnya Sindrom Down dan Autisme bagi meningkatkan kesedaran tentang golongan berkenaan.

Video tersebut kemudian dimuat naik ke laman media sosial Instagram SRAD untuk diundi melalui jumlah *likes* bagi video-video berkenaan.

Selain itu, SRAD turut mengadakan Pertandingan Membuat Kad Ucapan berbentuk hati khusus ditujukan kepada murid-murid Sindrom Down dan Autisme

yang dibukakan kepada guru-guru dan staff sokongan sekolah tersebut. Pertandingan itu dihakimi oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas.

Melalui sambutan berkenaan, murid-murid berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan mereka mengenai Pendidikan Khas, Pendidikan Inklusif dan Murid-murid Berkeperluan Khas.

Penerimaan mereka terhadap Kanak-kanak Berkeperluan Khas di sekolah lebih terbuka berbanding sebelumnya, dan guru-guru juga lebih kreatif dalam mengekspresikan kasih sayang mereka terhadap Murid-murid Berkeperluan Khas.

Oleh kerana sokongan dan penyertaan terhadap sambutan tersebut amat menggalakkan dan membanggakan, pihak SRAD berhasrat untuk mengadakan lagi program itu pada tahun hadapan dengan melibatkan penyertaan dari ibu bapa Murid-murid Berkeperluan Khas.





Tingkatkan amalan membaca Al-Quran pada bulan Ramadan

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ihsan Nadi Quranic LC Brunei

BULAN Ramadan bukan sahaja masa bagi umat Islam menjalankan ibadah puasa dan menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa, malahan ia juga memberi ruang kepada kita untuk mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan amal ibadah.

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, membaca Al-Quran merupakan amalan yang perlu ditingkatkan terutama pada bulan yang penuh rahmat ini. Bagi yang belum mahir membaca Al-Quran, carilah peluang untuk belajar membaca Al-Quran. Sebuah pusat mengaji, Nadi Quranic LC Brunei merupakan pusat pembelajaran Al-Quran di negara ini yang mampu menarik minat orang ramai.

Sebagai sebuah Negara Zikir, pelaksanaan kelas-kelas pembelajaran Al-Quran adalah penting ke arah membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kalangan umat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi meraih keberkatan di dunia dan akhirat.

Dalam zaman serba moden ini, pelbagai kaedah dapat digunakan bagi menarik orang ramai terutama generasi muda untuk mempelajari dan menghayati bacaan Al-Quran agar amalan tersebut dijadikan amalan harian.

Nadi Quranic LC Brunei adalah sebuah Pusat Mengaji Al-Quran dan Tahfiz bersistemik yang pertama di NBD, menggunakan teknik Neuro Nadi yang mudah dan menyeronokkan.

Pusat pembelajaran Al-Quran tersebut telah diiktiraf oleh The Brunei Book of Records dengan 10 anugerah iaitu 'The First and Only Licensed Quranic Educational

Institution', 'The First Systematic Quranic Educational Centre for Private Sector in Brunei', 'The First and Only Quranic Tahfiz Learning Centre to Teach Using Patented Neurophysiology Technique', 'The Largest Private Tahfiz Quranic Learning Centre Chain', 'The Only Quranic Institution Teaching the Neuro Nadi Programme', 'The First and Only Quranic Postnatal Education Program', 'The First and Only Quranic Prenatal Education Programme', 'The Only Quranic Learning Centre Chaun Licensed to Operate NQLC, NQTC, NQPC, NQCC, NQPC, NQPC and NQLLC', 'The Only Neuro Nadi Distribution Centre in Brunei', dan 'The Largest Private Quranic Learning Centre Chain'.

Dengan visi untuk membentuk generasi yang memulakan dan cintakan Al-Quran, Nadi Quranic LC Brunei mula beroperasi pada tahun 2016, yang bermula dengan cawangan pertamanya iaitu di Kampung Beribi Jangsak.

Manakala, misi pusat pembelajaran Al-Quran berkenaan adalah untuk membanteras buta huruf dalam kalangan masyarakat, di samping menanamkan sifat cintakan Al-Quran dalam kalangan pelajar dan menjalinkan ukhawah yang terbaik dengan masyarakat.

Inisiatif penubuhan Nadi Quranic LC Brunei adalah untuk menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan rakyat dan penduduk di negara ini agar dapat membaca Al-Quran serta mengamalkannya sebagai panduan hidup.

Selain itu, penubuhannya juga bertujuan bagi memperkenalkan kaedah mudah dan menyeronokkan dalam mempelajari Al-Quran bagi setiap lapisan masyarakat, selain melahirkan penghafaz Al-Quran

dengan teknik neurofisiologi serta memupuk jiwa masyarakat agar sentiasa mendekati diri dengan Al-Quran.

Pada 2018, cawangan Nadi Quranic LC Brunei mula berkembang, dan pada masa ini pusat tersebut mempunyai lapan buah cawangan iaitu enam buah cawangan di Daerah Brunei dan Muara, sebuah cawangan di Daerah Tutong dan sebuah lagi di Daerah Belait.

Setakat ini, pusat pembelajaran Al-Quran berkenaan mempunyai keramaian lebih 100 orang tenaga pengajar dan 6,000 pelajar di seluruh cawangan di negara ini.

Yuran pendaftaran bagi mengikuti kelas di pusat tersebut ialah BND20 untuk sekali pembayaran, dan BND50 hingga BND60 sebulan mengikut peringkat kelas.

Kelas-kelas yang ditawarkan di Nadi Quranic LC Brunei ialah Kelas Asas Al-Quran Dewasa dan Kanak-kanak; Kelas Pengajian Orang Pencen (KPOP), Kelas Persediaan Sekolah Ugama (untuk umur enam tahun), Kelas Asas Tajwid, Kelas Melancarkan Surah Pilihan dan Kelas Talaqqi.

Bagi kelas khusus untuk golongan yang telah bersara atau Kelas KPOP, sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan dan semangat pelajar untuk memperbaiki serta menghayati pembacaan Al-Quran sangat luar biasa.

Menariknya, kelas KPOP bukan sahaja memberikan bimbingan bacaan Al-Quran kepada golongan berkenaan, tetapi ia juga dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan pelajar di dalam kelas dan membina persekitaran yang baik untuk saham akhirat.

Selain daripada mengendalikan kelas mengaji, Nadi Quranic LC Brunei turut menyediakan pelbagai aktiviti atau program yang sesuai bagi semua peringkat umur

antaranya Program Handal Huruf Hijaiyah (3H), Program Hafazan Cuti Sekolah seperti Nadi Little Scientist, Kem Bijak Quran, dan Bengkel Al-Fatihah; Bengkel Solat dan Quranic Talk yang menampilkan ceramah-ceramah tempatan.

Dalam usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia ini, Nadi Quranic LC Brunei tidak ketinggalan dalam mengukuhkan Program Tadarus bersama dengan guru-guru yang berlangsung secara atas talian dan juga secara fizikal, di samping mengadakan Program Melancarkan Bacaan Surah Yaa Siin serta Pemahaman; Program Ramadan Mini Camp dan Hafazan Camp sempena cuti sekolah.

Dalam pada itu, pihak Nadi Quranic LC Brunei menzahirkan harapan agar seluruh masyarakat di negara ini akan lebih dekat dengan Al-Quran melalui pembelajaran Al-Quran dengan mudah dan seronok tanpa perasaan takut, malu atau ragu-ragu lagi kerana kelas-kelas yang ditawarkan pusat berkenaan bersesuaian bagi semua peringkat umur dari umur enam tahun hingga lebih 70 tahun.

Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada 'Utsman bin 'Affan Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Sebaik-baik kamu adalah sesiapa yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya". (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Pihak Nadi Quranic LC Brunei juga berharap agar mereka dapat membantu lebih ramai orang bukan hanya setakat pandai membaca Al-Quran, malahan memahami apa yang Allah Subhanahu Wata'ala ingin sampaikan kepada hamba-Nya dan menjadikan ia sebagai amalan untuk dijadikan saham di akhirat kelak.



RAIH GANJARAN DI BULAN RAMADAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Bulan Ramadan kini menyapa kehidupan kita, bulan penuh rahmat dan keampunan yang merupakan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat besar bagi seluruh umat Islam.

Bulan keagungan ini juga membolehkan kita untuk meraih keberkatan serta ganjaran pahala dari beberapa amalan sunnah.

Antara amalan sunnah yang digalakkan bagi umat Islam semasa berada di bulan ini ialah pertama, bangun sahur dan melewatkannya kerana hukum makan sahur adalah sunat. Sahur bukan sahaja memberikan tenaga untuk kita berpuasa di siang hari malah ia juga mengandungi keberkatan.

BULAN keagungan ini membolehkan kita untuk meraih keberkatan serta ganjaran pahala dari beberapa amalan sunnah.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Kedua, memperbanyakkan amalan sedekah, tidak kira kecil atau besar, banyak atau sedikit adalah sangat digalakkan dalam Islam terutama sekali dalam bulan Ramadan kerana dengan bersedekah dapat meringankan beban mana-mana kalangan masyarakat yang memerlukan bantuan.

Ketiga, Sembahyang Sunat Tarawih serta Sembahyang Sunat Witir secara berjemaah di masjid-masjid, surau-suruau dan balai-balai ibadat kerana sesungguhnya menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan dengan memperbanyakkan Sembahyang Sunat bagi mengharap ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala akan diampunkan dosa-dosa yang lalu.

Keempat, membaca Al-Quran, bulan Ramadan merupakan bulan Al-Quran oleh itu

memperbanyakkan membaca Al-Quran pada bulan Ramadan adalah digalakkan, sekurang-kurangnya satu juz setiap hari agar dapat Khatam Al-Quran sekali dalam bulan Ramadan.

Kelima, selain daripada bersedekah, amalan memberi makan kepada orang yang berpuasa atau menyungkaikan juga menjadi salah satu cara bagi kita untuk meraih ganjaran pahala.

Namun banyak lagi amalan-amalan sunnah lain yang dapat dilaksanakan lebih-lebih lagi melaksanakannya pada bulan Ramadan dijanjikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda.

Marilah kita sama-sama mengambil kesempatan di bulan ini untuk meraih pahala sebanyak-banyaknya dalam meningkatkan amalan dan ibadah kita sepanjang bulan ini terutama sekali pada 10 malam terakhir Ramadan.

Operasi pastikan peniaga mempraktikkan perniagaan wajar, beretika

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

SERIA, Sabtu, 25 Mac. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan Operasi Bersepadu yang dilaksanakan ke atas premis-premis perniagaan di Pekan Seria, Daerah Belait, baru-baru ini.

Operasi ini menguatkuasakan akta dan peraturan seperti berikut iaitu Akta SDT 1983 Penggal 151, iaitu memastikan sebarang penggunaan alat SDT bagi tujuan perdagangan hendaklah sah, tepat dan berdaftar dengan Unit SDT dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu memastikan kepatuhan peniaga ke atas barangan yang dikawal harga dan memastikan barangan yang dijual dipaparkan tanda harga dengan jelas dan tidak mengelirukan.

Hasil daripada operasi tersebut, didapati sebanyak 17 unit alat SDT digunakan dalam aktiviti jual beli dan satu unit daripadanya gagal mematuhi akta dan peraturan SDT iaitu menggunakan alat timbangan

yang telah mansuh pendaftaran.

Pihak syarikat dikeluarkan notis penyitaan dan dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu tersebut. Kesemua alat tersebut telah disita.

Manakala JPES juga mengeluarkan sebanyak empat notis amaran dan satu tawaran kompaun berjumlah BND500 bagi kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga dan tidak mempamerkan tanda harga.

Keterangan premis perniagaan yang dibuat pemeriksaan menjejut adalah seperti Syarikat Haji Mohammad Bakir Jaya Sdn. Bhd.; Syarikat Milimewah Department Store Sdn. Bhd.; Syarikat WYWY Enterprise; Syarikat C.A. Mohamed; Syarikat Chop Soon Kheng (Setia Rahmat); Syarikat Ayesha Energy Global Sdn. Bhd. dan Syarikat Nazmul Sdn. Bhd.

Sehubungan, Unit SDT menegaskan para pemilik alat SDT untuk mendaftarkan alat-alat

berkenaan sebelum digunakan dalam apa jua aktiviti yang melibatkan perdagangan.

JPES turut menasihati para peniaga di negara ini agar sentiasa peka dan mematuhi undang-undang yang sedia ada. Ini adalah penting dalam membantu negara membangunkan persekitaran perniagaan yang berdaya tahan dan mampan melalui mempraktikkan perniagaan yang wajar dan beretika.

Dalam masa yang sama, JPES juga membarigakan kepada para peniaga mengenai dengan Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB) yang telah dilaksanakan mulai

BIL.	PREMIS PERNIAGAAN	KETERANGAN	
		SDT	JHEP
1	Syarikat Haji Mohammad Bakir Jaya Sdn Bhd	Mematuhi Akta dan Peraturan Sukatan dan Timbangan 1983	Notis Amaran - tidak mempamerkan tanda harga
2	Syarikat Milimewah Department Store Sdn Bhd	Mematuhi Akta dan Peraturan Sukatan dan Timbangan 1983	Notis Amaran - tidak mempamerkan tanda harga
3	Syarikat WYWY Enterprise	Mematuhi Akta dan Peraturan Sukatan dan Timbangan 1983.	Mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
4	Syarikat C.A. Mohamed	Mematuhi Akta dan Peraturan Sukatan dan Timbangan 1983.	Mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
5	Syarikat Chop Soon Kheng (Setia Rahmat)	Mematuhi Akta dan Peraturan Sukatan dan Timbangan 1983.	Tawaran Kompaun \$500 - menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi minyak masak.
6	Syarikat Ayesha Energy Global Sdn Bhd	Mematuhi Akta dan Peraturan Sukatan dan Timbangan 1983.	Notis Amaran - menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi minyak masak.
7	Syarikat Nazmul Sdn Bhd	Menggunakan alat timbangan mansuh pendaftaran.	Notis Amaran - tidak mempamerkan tanda harga.

1 Ramadan lalu.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut iaitu Unit SDT melalui e-mel, sd@mf.gov.bn

atau talian +673 2334092 dan JHEP melalui Talian Darussalam 123, aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn.



PENGUATKUASA JHEP, JPES semasa membuat pemeriksaan di salah sebuah premis.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Membuka Pintu Rezeki Dengan Bersedekah'. Tarikh Tutup : 29 Mac 2023
- 'Memperkasakan Kemahiran PMKS Tempatan'. Tarikh Tutup : 5 April 2023
- 'Zakat Fitrah Penyempurna Puasa Ramadan'. Tarikh Tutup : 12 April 2023

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menan
BND7
 SETIAP MIN

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda seka

INDIA LANCAR 36 SATELIT ONEWEB KE ORBIT - ISRO



NEW DELHI, 26 Mac. - Pertubuhan Penyelidikan Angkasa Lepas India (ISRO) pada Ahad melancarkan roket LVM3 yang membawa 36 satelit komunikasi OneWeb.

Rocket itu dilancarkan pada 9 pagi (03:30 GMT) dari Pusat Angkasa Satish Dhawan yang terletak di pulau tenggara Sriharikota dan pelancaran berkenaan turut disiarkan oleh ISRO, lapor Sputnik.

Pelancaran itu melengkapkan penggunaan OneWeb yang terdiri daripada lebih 600 satelit di orbit yang bakal menyediakan internet berkelajuan tinggi kepada pengguna di seluruh dunia.

Ini adalah kali kedua OneWeb menggunakan perkhidmatan ISRO untuk melancarkan satelit.

Sebelum ini, kelompok pertama 36 satelit OneWeb telah dilancarkan ke orbit pada Oktober

2022 dengan menggunakan roket India.

Projek OneWeb direka untuk menyediakan akses internet berkelajuan tinggi kepada pengguna di seluruh dunia menjelang 2027.

Pada November 2020, OneWeb mengisytiharkan mufis dan telah dijual kepada Kerajaan United Kingdom dan syarikat India Bharti Global. - ©BERNAMA-SPUTNIK

China lepaskan 200,000 ikan jarang ditemukan di Sungai Yangtze

WUHAN, 26 Mac. - China akan melepaskan 200,000 sturgeon China ke Sungai Yangtze, sungai terpanjang di negara itu mulai Sabtu sebagai sebahagian daripada usahanya untuk melindungi ikan yang jarang ditemui itu.

Sturgeon ialah ikan besar daripada famili Acipenseridae yang telurnya dijadikan kaviar.

Kumpulan pertama 100,000 ikan telah dilepaskan di bandar Yichang di Provinsi Hubei pada Sabtu dan dua kelompok lagi akan menyusul, menurut China Three Gorges Corporation yang telah membuat pelepasan seperti itu setiap tahun sejak 1984, lapor

Xinhua.

Sturgeon China yang wujud sejak 140 juta tahun, adalah antara spesies vertebrata paling purba di bumi dan berada di bawah perlindungan Kelas-A di China. Ikan yang dilindungi itu dibiak dan dibebaskan ke persekitaran semula jadi.

Sturgeon yang dilepaskan tahun ini berusia antara enam bulan hingga 14 tahun bagi memulihkan populasi liar, kata ketua jurutera pusat penyelidikan syarikat bagi spesies berkenaan, Jiang Wei.

Sebelum dilepaskan, sturgeon yang lebih besar yang menghampiri kematangan seksual dipasang pengesan satelit untuk

analisis kesan alam sekitar terhadap kemandirian spesies di alam liar untuk menyediakan sistem perlindungan pada masa depan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, China berusaha keras memulihkan ekologi di sepanjang Sungai Yangtze dengan melarang aktiviti memancing selama 10 tahun di perairan penting di sepanjang sungai pada awal tahun 2021.

Pada Disember 2020, China mengisytiharkan Undang-undang Perlindungan Sungai Yangtze yang menjamin pemuliharaan biodiversiti di sungai. - ©BERNAMA-XINHUA

PM UK gesa kurangkan ketegangan di Tebing Barat

LONDON, 25 Mac. - Perdana Menteri Britain Rishi Sunak pada Jumaat memberitahu rakan sejawatannya dari Israel, Benjamin Netanyahu mengenai kebimbangan antarabangsa terhadap ketegangan yang semakin meningkat di Tebing Barat, lapor Agensi Anadolu.

Semasa pertemuan dengan Netanyahu di Downing Street, Sunak menyatakan solidaritinya terhadap rakan sejawatannya itu dalam menghadapi "serangan pengganas" dan UK akan sentiasa menyokong Israel.

"Pada masa yang sama, PM

menyuarakan kebimbangan antarabangsa mengenai ketegangan yang semakin meningkat di Tebing Barat dan risiko yang menjejaskan usaha ke arah penyelesaian dua negara," kata Sunak dalam satu kenyataan.

Sunak mahu "semua usaha dilakukan bagi meringankan tekanan," terutama menjelang cuti keagamaan yang akan datang, katanya.

Perdana Menteri Britain itu menekankan akan kepentingan untuk menegakkan nilai demokrasi yang menyokong

hubungan antara kedua-dua negara, termasuk cadangan pembaharuan sistem kehakiman di Israel.

Israel berhadapan bantahan besar-besaran selama berminggu-minggu selepas Menteri Kehakiman Yariv Levin mencadangkan pelan pembaharuan sistem kehakiman yang dilihat sebagai "perubahan paling radikal" dalam sistem negara itu.

Dalam perbincangan itu, Sunak dan Netanyahu turut menyambut baik pemeteraian "Pelan Hala Tuju UK-Israel 2030". - ©BERNAMA

Yew Sin-Ee Yi, Soon Huat-Shevon tempah tiket separuh akhir terbuka Switzerland

KUALA LUMPUR, 25 Mac. - Beregu lelaki negara Ong Yew Sin-Teo Ee Yi terus membawa harapan Malaysia pada Kejohanan Badminton Terbuka Switzerland 2023 di Basel selepas dua lagi wakil negara tersingkir dalam aksi suku akhir awal pagi tadi.

Yew Sin-Ee Yi mara ke separuh akhir acara beregu lelaki, setelah tewas set pertama 16-21 sebelum bangkit mencatat kemenangan 21-12, 21-19 ke atas gandingan Indonesia Muhammad Shohibul Fikri-Bagas Maulana pada pertembungan di St Jakobshalle itu.

Yew Sin-Ee Yi selaku pilihan

ketiga kejohanan, akan bertemu pilihan kedua kejohanan dari India Satwiksairaj Rankireddy-Chirag Shetty di separuh akhir yang akan berlangsung malam ini.

Beregu campuran profesional negara Goh Soon Huat-Shevon Lai Jemie menepati ramalan mengiringi kemaraan itu bagi acara beregu campuran selepas menundukkan wakil Thailand Supak Jomkoh-Supissara Paewsampran 21-18, 21-18 dalam pertembungan selama 36 minit.

Menanti Soon Huat-Shevon di separuh akhir, beregu Belanda Robin Tabeling-Selena Piek yang

menewaskan satu lagi beregu campuran negara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei 21-19, 19-21, 21-19.

Nasib turut tidak menyebelahi perseorangan lelaki negara, Ng Tze Yong apabila terpaksa menarik diri di set kedua perlawanan berikutan kecederaan, selepas tewas set pertama 11-21 di tangan pilihan ketiga kejohanan dari Taiwan Chou Tien Chen.

Semalam, pemain profesional perseorangan lelaki negara Lee Zii Jia turut mengesahkan slot separuh akhir selepas menewaskan Lee Chia Hao dari Taiwan. - ©BERNAMA

Türkiye kutuk tindakan cemar Al-Quran dan bendera di Denmark

MOSCOW, 26 Mac. - Kementerian Luar Turkiye pada Sabtu mengecam 'serangan keji' sekumpulan orang pada Jumaat yang mencemarkan kitab suci Al-Quran dan bendera Turkiye di Denmark.

"Kami mengutuk sekeras-kerasnya serangan keji yang menyasarkan kitab suci Al-Quran dan bendera kegemilangan kami di Denmark pada tengah hari 24 Mac," menurut kenyataan kementerian itu, lapor Sputnik.

Insiden itu yang dilakukan semasa bulan suci Ramadan, sekali lagi mendedahkan bahawa Islamofobia, diskriminasi dan xenofobia telah berada pada tahap yang membimbangkan di Eropah.

Jabatan luar negara Turkiye turut memaklumkan pihak berkuasa Denmark bahawa Ankara mengangap tindakan sedemikian sama sekali tidak boleh diterima dan menggesa tindakan segera perlu diambil terhadap pelaku bagi mencegah provokasi seperti itu.

Januari lepas, Rasmus Paludan, pemimpin parti politik Denmark Stram Kurs, membakar naskhah al-Quran di Sweden dan Denmark sebagai protes terhadap kepimpinan Turkiye.

Sebagai tindak balas, Presiden Turki Recep Tayyip Erdogan berkata Ankara tidak akan menyokong bidaan Stockholm untuk menjadi ahli NATO. - ©BERNAMA-SPUTNIK

Malawi : Kementerian Kesihatan keluarkan amaran virus Marburg

LILONGWE, 25 Mac. - Kementerian Kesihatan Malawi mengeluarkan amaran mengenai penyakit virus Marburg yang setakat ini telah meragut lima nyawa di wilayah barat laut Kagera, Tanzania.

Menurut kenyataan kementerian, rakyat digesa berhati-hati dan mengelakkan hubungan fizikal yang rapat dengan mereka yang disyaki dijangkiti Marburg, lapor Xinhua.

Kementerian turut menggesa rakyat supaya memakai sarung tangan dan alat pelindung diri yang sesuai semasa menjaga pesakit di rumah selain mengamalkan mencuci tangan dengan sabun dan air.

Menurut kenyataan itu, kementerian dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika akan terus memantau keadaan di Tanzania dan di rantau ini.

Kementerian juga akan mengemas kini maklumat untuk memudahkan orang ramai mendapatkan perkembangan terkini. - ©BERNAMA-XINHUA

AS : Utah jadi negeri pertama hadkan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja

BANDARAYA SALT LAKE (Amerika Syarikat), 25 Mac. - Utah di Amerika Syarikat bakal menjadi negeri pertama yang mengehadkan penggunaan Facebook, Twitter, Instagram dan platform media sosial lain dalam kalangan remaja, lapor Xinhua.

Langkah itu selepas Utah menandatangani undang-undang mengenai akses media sosial untuk pengguna di bawah umur 18 tahun.

"Kami tidak mahu lagi membiarkan syarikat media sosial terus membahayakan kesihatan mental golongan belia kami," kata Gabenor Utah Spencer Cox di Twitter.

Menurut laporan New York Times, ia adalah undang-undang negeri pertama di AS yang melarang perkhidmatan media sosial daripada membenarkan pengguna di bawah 18 tahun memiliki akaun tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaga.

Cox menandatangani undang-undang itu pada Khamis yang bertujuan untuk mengehadkan masa mereka menggunakan media sosial dan menghalang syarikat daripada mempengaruhi golongan ini.

Undang-undang baharu yang dijadual berkuat kuasa pada 1 Mac 2024 itu mewajibkan perkhidmatan media sosial untuk menyekat pengguna di Utah yang di bawah umur daripada mengakses akaun media mereka dari 10.30 malam hingga 6.30 pagi - tetapan masa ini hanya boleh diubah oleh ibu bapa atau penjaga. - ©BERNAMA

TETAP PRODUKTIF WALAUPUN BERPUASA



KEDATANGAN bulan Ramadan seharusnya meningkatkan semangat dan iltizam umat Islam untuk merebut segala keberkatan dan janganlah alasan lapar dan dahaga dijadikan alasan untuk menjadi malas bekerja.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Ramadan ialah bulan yang penuh keberkatan dan kedatangan bulan ini seharusnya meningkatkan semangat dan iltizam umat Islam untuk merebut segala keberkatan tersebut.

Justeru itu, kehadiran bulan mulia ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menjadi malas bekerja.

Sesetengah individu melihat puasa sebagai kekangan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti atas alasan tiada tenaga kerana lapar dahaga yang mana persepsi ini sebenarnya bertentangan

dengan ajaran Islam.

Seharusnya ibadah puasa perlu dilihat sebagai motivasi untuk lebih berusaha dan berjaya.

Menurut Dayang Hasuana binti Haji Hassim semasa ditemu bual Pelita Brunei, bagi mendepani bulan puasa yang penuh dengan cabaran dan dugaan ini, seharusnya kita perlu lebih peka memahami keadaannya dan bagaimana kita dapat mengekalkan prestasi dan stamina.

"Konsep puasa ialah menahan diri daripada makan dan minum serta segala perbuatan yang boleh membatalkannya,

mulai dari terbit fajar hinggalah terbenam matahari.

"Seorang pekerja biasanya akan bekerja selama lapan jam sehari di waktu siang. Rehat yang diperuntukkan pula adalah 30 hingga 60 minit," ujarnya.

Jelasnya, pihak majikan dan pekerja juga perlu memahami keadaan kerja seharian di bulan Ramadan.

Antara lain pemakanan juga merupakan faktor penting.

Bagi Dayang Norhafiza binti Hamdan, ia penyumbang bagi meningkatkan tenaga dan prestasi kerja seseorang.

Katanya, bila seorang pekerja berpuasa maka pengambilan makanan adalah terhad iaitu semasa sahur dan berbuka.

Bagi mengekalkan tenaga ujarnya, ia bergantung kepada cara pemakanan dan zat yang diserap yang mana diet perlulah seimbang dan bergantung kepada bentuk dan ciri pekerjaan seseorang kerana nilai kalori dan tenaga bagi setiap jenis pekerjaan juga berbeza-beza.

Puasa sebenarnya bukan sahaja amalan yang membentuk rohaniah tetapi juga jasmaniah.

"Selain itu, rutin harian juga berubah sedikit kerana waktu persekolahan turut dipendekkan jadi kebiasaan yang sering dilakukan juga agak berubah.

"Jadi perlu ada toleransi dan berdiskusi bersama suami untuk bergilir mengambil anak-anak dari sekolah," tambahnya.

Pilih makanan berkhasiat semasa bersahur



PEMILIHAN makanan dan khasiat yang betul semasa bersahur boleh membantu kita mengurangkan masalah rasa cepat lapar atau rasa terlalu lapar sepanjang berpuasa di siang hari.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mac. - Sebagai umat Islam kita semestinya menyambut kedatangan bulan Ramadan ini dengan penuh rasa syukur dan gembira kerana berpeluang melipatgandakan amal ibadat di bulan yang dijanjikan pahala berlipat kali ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Salah satu amalan-amalan sunat di bulan Ramadan ialah bersahur yang mempunyai keberkatan dan keistimewaan tersendiri.

Waktu sahur bermula sebaik sahaja masuk waktu pertengahan malam atau

dinihari sehingga terbit fajar.

Selain itu, ada juga yang mengatakan waktu sahur itu adalah 1/6 terakhir malam, dan yang afdalnya sunat mengakhiri atau melambatkan sahur kira-kira kadar membaca 50 ayat sebelum terbit fajar.

Pemilihan makanan dan khasiat yang betul semasa bersahur boleh membantu kita mengurangkan masalah rasa cepat lapar atau rasa terlalu lapar sepanjang berpuasa di siang hari.

Antara jenis makanan yang sesuai dimakan waktu sahur ialah mengambil makanan yang tinggi serat, sayur-sayuran dan buah-buahan; makanan sumber dari

protein; dan makanan yang segar dan baru dimasak.

Makanan-makanan tersebut akan memberi rasa kenyang yang lebih lama dan mengelakkan sembelit, di samping membekalkan tenaga sepanjang hari dan mempunyai pelbagai manfaat kesihatan dan lebih berkhasiat.

Selain itu, kita juga perlu meminum air kosong secukupnya iaitu ketika bangun, semasa dan selepas bersahur.

Selain disunatkan untuk bangun makan sahur, kita juga disunatkan untuk melambatkan waktu bersahur kerana melambatkan makan sahur merupakan sunnah Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam dan para sahabat.

Oleh yang demikian, alangkah ruginya jika makan sahur itu dilakukan terlalu awal sebelum waktunya kerana dikhuatiri terlepas daripada mendapat keistimewaannya.

Makan sahur itu sangat digalakkan kerana ia bertujuan memberikan tenaga kekuatan umatnya supaya tidak terasa terlalu lapar di siang hari, di samping itu juga ia memberi kekuatan untuk beribadat dan meningkatkan lagi keikhlasan untuk beribadat.

Oleh itu, janganlah kita lupa bersahur walaupun dengan hanya beberapa biji kurma dan segelas air.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BULAN RAMADAN ADALAH BULAN BAGI MELIPATGANDAKAN AMAL IBADAH